

Kementerian Pendidikan Malaysia

Blok E8, Kompleks E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62604, PUTRAJAYA, MALAYSIA

[www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)



LAPORAN TAHUNAN  
PELAN PEMBANGUNAN  
PENDIDIKAN MALAYSIA

2013

The page features a solid blue background with several decorative squares of varying sizes and colors (dark blue and white outline) scattered across the layout. Some squares are solid, while others are white outlines. They are arranged in a way that suggests movement or a sequence, with some overlapping.

LAPORAN TAHUNAN 2013  
PELAN  
PEMBANGUNAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



*Dengan rasa sukacita saya menyampaikan Laporan Tahunan pertama pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 untuk tatapan umum. Laporan ini merupakan sebahagian penting daripada komitmen Kementerian yang telah dinyatakan dalam PPPM tentang ketelusan dan kebertanggungjawaban awam. Laporan ini merangkumi kejayaan pelaksanaan sepanjang tahun 2013 serta aspek-aspek pelaksanaan yang boleh diperbaiki.*



Fokus pada tahun 2013 dan tahun-tahun awal transformasi pendidikan adalah meletakkan batu asas yang kukuh dan melaksanakan program yang dapat mengubah sistem pendidikan negara. Usaha-usaha telah difokuskan dalam mempertingkatkan tahap literasi dan numerasi murid, kualiti guru, dan kepimpinan sekolah serta mengupayakan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) untuk memberikan lebih banyak sokongan kepada sekolah.

Kementerian telah melihat impak positif pelaksanaan inisiatif PPPM terhadap keberhasilan murid dalam tahun pertama pelaksanaannya. Sebagai contoh, sebanyak 99% murid Tahun 3 telah menguasai literasi dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia dan numerasi. Di bawah Program Transformasi Daerah di negeri-negeri rintis di Kedah dan Sabah, guru-guru dan pemimpin-pemimpin sekolah melalui sokongan padu daripada JPN dan PPD telah berjaya menghasilkan peningkatan tertinggi dalam peperiksaan awam berbanding dengan negeri-negeri lain.

Pada masa yang sama, Kementerian juga telah meningkatkan kemahiran berbahasa dalam kalangan guru Bahasa Inggeris melalui program peningkatan Profisiensi Guru Bahasa Inggeris (ProELT). Di samping itu, Kementerian telah menambah baik syarat pemilihan pengetua dan guru besar untuk memastikan bahawa kita mempunyai pegawai yang terbaik untuk memimpin sekolah tanpa mengira tempoh perkhidmatan mereka. Kesemua pencapaian ini adalah hasil usaha bersama-sama semua

pihak berkepentingan. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga pendidik – guru, pemimpin sekolah, serta pegawai Kementerian, dan ibu bapa di seluruh negara atas komitmen dan usaha yang telah dilaksanakan di barisan pertama transformasi pendidikan negara.

Menuju masa hadapan, fokus mesti diteruskan dalam pelaksanaan inisiatif yang berkesan. Maklum balas daripada rakyat serta pakar pendidikan antarabangsa adalah jelas – cabaran utama Kementerian adalah untuk menambah baik usaha-usaha pelaksanaan inisiatif PPPM. Transformasi pendidikan negara untuk menjadi antara sistem pendidikan terbaik di dunia merupakan suatu perjalanan yang sukar dan mencabar. Namun begitu, kita perlu lakukan yang terbaik demi anak-anak Malaysia. Akhir kata, marilah kita semua bersama-sama berusaha lebih gigih dan melaksanakan komitmen Kementerian ke arah pendidikan berkualiti kepada semua rakyat Malaysia.

**TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN  
BIN HAJI MOHD YASSIN**  
Timbalan Perdana Menteri  
Merangkap Menteri Pendidikan Malaysia



# KANDUNGAN



## RINGKASAN EKSEKUTIF

## BAB/01

16 **PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2013-2025 SEPINTAS LALU**

## BAB/02

- 26 **PENINGKATAN AKSES KEPADA PENDIDIKAN BERKUALITI**
- 27 PENINGKATAN ENROLMEN PRASEKOLAH
- 30 TRANSFORMASI PENDIDIKAN VOKASIONAL
- 32 PENAWARAN PELBAGAI ALIRAN PENDIDIKAN
- 38 PENERUSAN AKSES KEPADA PENDIDIKAN BAGI KUMPULAN KHUSUS
- 40 PENDIDIKAN LEPAS MENENGAH

## BAB/03

- 44 **PENINGKATAN KUALITI PENDIDIKAN**
- 44 PRESTASI PENCAPAIAN MURID
- 50 KURIKULUM DAN PENTAKSIRAN
- 53 BAHASA
- 58 PENDIDIKAN SAINS, TEKNOLOGI, KEJURUTERAAN DAN MATEMATIK
- 58 GURU
- 61 PEMIMPIN SEKOLAH
- 64 PELIBATAN IBU BAPA, KOMUNITI DAN SEKTOR SWASTA

## BAB/04

- 72 **EKUITI DALAM PENDIDIKAN**
- 73 PROGRAM TRANSFORMASI DAERAH
- 77 PELAN TRANSFORMASI PENDIDIKAN ORANG ASLI
- 80 PENDIDIKAN KHAS

## BAB/05

- 86 **PEMANTAPAN PERPADUAN DI SEKOLAH**
- 86 MEROMBAK DAN MEMPERKUKUH KONSEP DAN PELAKSANAAN RANCANGAN INTEGRASI MURID UNTUK PERPADUAN
- 88 MENJALANKAN KAJIAN UNTUK MENENTUKAN INDEKS PERPADUAN DALAM KALANGAN MURID DAN GURU SEKOLAH

## BAB/06

- 92 **KECEKAPAN**
- 92 MENTRANSFORMASI KEBOLEHAN DAN KEUPAYAAN PENYAMPAIAN KEMENTERIAN
- 95 MENGOPTIMAKAN PERBELANJAAN BAGI MEMAKSIMAKAN KEBERHASILAN MURID
- 97 MENYEDIAKAN INFRASTRUKTUR ASAS
- 98 MENYEDIAKAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

## BAB/07

- 104 **PENUTUP**

## GLOSARI



## RINGKASAN EKSEKUTIF

# Ringkasan Eksekutif

1

## Kualiti ialah cabaran utama

Sungguhpun akses kepada pendidikan telah mencecah kadar hampir piawaian sejagat, namun, cabaran utama kini adalah untuk meningkatkan kualiti sistem pendidikan Malaysia.

2

## Fokus pertama adalah mengukuhkan asas dalam pendidikan dan lonjakan prestasi

Gelombang pertama dalam proses transformasi pendidikan yang telah digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM) untuk tempoh 13 tahun adalah untuk mengukuhkan asas dalam pendidikan dan meningkatkan keupayaan penyampaian yang mampu melonjakkan prestasi dalam sistem pendidikan di negara kita.

3

## Kementerian memulakan pembaharuan amalan kerja pada tahun 2013

Kementerian Pendidikan Malaysia (Kementerian) mengakui bahawa usaha mentransformasikan sektor pendidikan adalah suatu perjalanan yang begitu mencabar. Oleh hal yang demikian, pada tahun 2013, Kementerian memulakan pembaharuan dengan mengubah amalan bekerja dan memberikan fokus kepada beberapa inisiatif penting bagi mencerminkan pembaharuan tersebut.

4

## Kejayaan awal diraih pada tahun 2013

Beberapa kejayaan awal telah diraih pada tahun 2013 dan perubahan ketara mula berlaku di bilik darjah. Hal ini memberikan keyakinan bahawa perubahan yang pantas bukanlah suatu perkara yang mustahil boleh berlaku.

5

## Pengajaran untuk penambahbaikan diperoleh pada tahun 2013

Kejayaan yang diraih serta cabaran yang ditempuhi pada tahun 2013 telah memberikan pengalaman bermakna untuk dimanfaatkan oleh Kementerian.

6

## Kementerian menyambut baik maklum balas daripada orang awam

Kementerian sangat menyambut baik semua maklum balas yang dikemukakan secara berterusan daripada rakyat Malaysia dan masyarakat antarabangsa.

7

## Sokongan dan komitmen yang berterusan amat diperlukan

Kejayaan transformasi pendidikan memerlukan sokongan dan komitmen berterusan daripada semua pihak berkepentingan, dan wujud rasa sepunya serta kebersamaan untuk melakukan perbezaan pada masa hadapan.

## Kualiti ialah cabaran utama.

*Sungguhpun akses kepada pendidikan telah mencecah kadar hampir piawaian sejagat, namun, cabaran utama kini adalah untuk meningkatkan kualiti sistem pendidikan Malaysia.*

- Walaupun prestasi murid dalam peperiksaan kebangsaan (UPSR, PMR dan SPM) semakin meningkat, namun, jurang prestasi antara sekolah bandar dengan luar bandar masih ketara. Oleh sebab itu, usaha meningkatkan pencapaian murid secara menyeluruh khususnya dalam Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dan merapatkan jurang prestasi kekal sebagai fokus utama Kementerian.
- Keputusan *Programme for International Student Assessment (PISA) 2012* meletakkan Malaysia dalam **kelompok sepertiga terbawah** apabila lebih 50% murid berumur 15 tahun tidak berupaya mencapai tahap minimum pada peringkat antarabangsa. Keputusan PISA tersebut mengukuhkan bukti betapa Malaysia perlu memulakan program transformasi dalam tempoh 13 tahun seperti yang digariskan dalam PPPM bermula pada tahun 2013. Lonjakan dari tangga sepertiga terbawah ke **sepertiga teratas dalam penaksiran TIMSS dan PISA dalam tempoh 13 tahun** pastinya mencabar. Namun begitu, usaha ini wajib diteruskan demi masa hadapan generasi Malaysia akan datang.
- Pelbagai usaha sedang dilakukan bagi menambah baik kualiti para guru termasuklah mempertingkatkan latihan perguruan di Institut Pendidikan Guru serta membangunkan kemahiran pedagogi, khususnya dalam kalangan guru muda yang merupakan kumpulan majoriti dalam profesion perguruan.

## Fokus pertama adalah mengukuhkan asas dalam pendidikan dan lonjakan prestasi.

*Gelombang pertama dalam proses transformasi pendidikan selama 13 tahun seperti yang digariskan dalam PPPM adalah untuk mengukuhkan asas dalam pendidikan dan meningkatkan keupayaan penyampaian yang mampu melonjakkan prestasi sistem pendidikan di negara kita.*

- Sasaran tiga tahun pertama dalam transformasi pendidikan adalah **meningkatkan prestasi sistem pendidikan** menerusi peningkatan sokongan kepada guru dan penambahbaikan kemahiran asas murid.
- Fokus utama adalah untuk **memastikan keupayaan numerasi asas dan literasi** (Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris) dapat dicapai menerusi program pemulihan yang intensif, peningkatan kemahiran dalam kalangan guru, dan **peningkatan kualiti kepimpinan sekolah** dengan menambah baik latihan dan kaedah pemilihan pemimpin sekolah. Kementerian juga akan melaksanakan usaha **pengukuhan dan pemerksaan di Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)** agar berupaya menyokong sekolah selaku pelaksana di barisan hadapan. Matlamat utama adalah untuk memastikan bahawa semua guru, pemimpin sekolah dan sekolah mencapai standard kualiti minimum.
- Kementerian terus komited memastikan semua sekolah, khususnya sekolah luar bandar dan pedalaman dilengkapi dengan infrastruktur asas.

## Kementerian memulakan pembaharuan amalan kerja pada tahun 2013.

Pada tahun 2013, Kementerian memulakan pembaharuan terhadap amalan kerja dan memberikan fokus kepada beberapa inisiatif penting bagi mencerminkan pembaharuan tersebut.

- **Penubuhan PADU bagi memacu pelaksanaan PPPM:**  
Sebagai usaha melicinkan pelaksanaan inisiatif, Kementerian telah menubuhkan Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU) pada tahun 2013 bagi menggarap bakat daripada sektor awam dan swasta. PADU berperanan memantau, membantu penyelesaian masalah dan menyokong Kementerian untuk mendorong penambahbaikan terhadap keberhasilan prestasi murid seperti yang digariskan dalam PPPM.
- **Pengupayaan JPN dan PPD bagi meningkatkan prestasi murid:**  
Melalui Program Transformasi Daerah yang diperkenalkan di Kedah dan Sabah, seramai 352 Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (SISC+) dan Rakan Peningkatan Sekolah (SIPartner+) telah ditugaskan ke PPD untuk memberikan bimbingan secara langsung kepada sekolah berprestasi rendah. Usaha tersebut berjaya meningkatkan prestasi murid di kedua-dua negeri itu. Dialog prestasi berstruktur bagi membincangkan prestasi murid juga telah dilancarkan di JPN.
- **Pembangunan dan Pemprofilan Kepimpinan:**  
Bagi menilai keupayaan semasa di JPN dan PPD, satu kaedah pemprofilan melibatkan 251 jawatan kepimpinan yang utama pada peringkat negeri dan daerah telah dijalankan. Dapatan pemprofilan tersebut akan digunakan untuk membangunkan kumpulan berbakat di Kementerian.
- **Penstrukturan dalam Kementerian sudah dimulakan:**  
Kementerian sudah memulakan langkah penyemakan semula struktur organisasinya pada setiap peringkat – persekutuan, negeri, daerah dan sekolah.

## Kejayaan awal diraih pada tahun 2013.

Beberapa kejayaan awal telah diraih pada tahun 2013 termasuklah perubahan ketara yang mula menyerlah di bilik darjah. Hal ini bererti bahawa perubahan ketara dan pantas tidak mustahil boleh berlaku.

Kementerian berasa amat bangga atas segala usaha yang ditunjukkan oleh pihak guru, pemimpin sekolah dan pegawai Kementerian di seluruh Malaysia. Mereka telah berkorban masa dan tenaga serta memberikan komitmen untuk menggerakkan inisiatif serta melaksanakan pembaharuan dalam bilik darjah. Sumbangan mereka dan impak awal yang jelas dilihat telah menguatkan iltizam dan keyakinan Kementerian bahawa transformasi pendidikan bukanlah sesuatu perkara yang mustahil boleh berlaku. Antara contoh kejayaan awal termasuklah seperti yang berikut:

- **Program Transformasi Daerah (DTP):**  
Program Transformasi Daerah bertujuan melicinkan penambahbaikan sekolah dan merapatkan jurang pencapaian dalam kalangan sekolah dan antara negeri-negeri di Malaysia. Program rintis DTP telah diperkenalkan di Sabah dan Kedah, iaitu, dua buah negeri dengan tahap pencapaian sekolah yang paling rendah. Pada tahun 2013, program rintis ini memperlihatkan keberhasilan yang signifikan apabila kadar peningkatan keputusan peperiksaan kebangsaan (UPSR, PMR dan SPM) di kedua-dua negeri tersebut adalah yang tertinggi berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Malahan pencapaian peperiksaan kebangsaan yang diraih ini adalah yang terbaik bagi kedua-dua negeri tersebut dalam tempoh 10 tahun. Jurang pencapaian antara sekolah bandar dengan luar bandar di Sabah dan Kedah juga jatuh mendadak, iaitu jauh lebih baik daripada purata bagi seluruh negara. Keberhasilan DTP di Kedah dan Sabah memberikan keyakinan kepada Kementerian untuk memperluas program tersebut di semua daerah di seluruh negara pada tahun 2014.

- **Peningkatan Profisiensi Guru Bahasa Inggeris (ProELT):**  
Golongan ibu bapa serta orang awam amat prihatin terhadap tahap profisiensi bahasa Inggeris dalam kalangan guru. Buat pertama kalinya, Kementerian telah menjalankan ujian penguasaan bahasa Inggeris secara besar-besaran melibatkan 61,000 orang guru, guru pelatih dan pensyarah. Keputusan penilaian tersebut membolehkan seramai 14,000 orang guru dikenal pasti untuk menjalani program peningkatan bahasa. Kelompok pertama yang terdiri daripada 5,000 orang guru telah dilatih di bawah program ProELT. Hasilnya, sejumlah 76% daripada mereka berjaya mempertingkatkan penguasaan bahasa dengan peningkatan sekurang-kurangnya satu aras (band).
- **Program Saringan Literasi dan Numerasi (LINUS):**  
Literasi dan numerasi yang dipupuk dari peringkat sekolah rendah menjadi teras yang kukuh kepada pembelajaran. Sejak pelaksanaan LINUS pada tahun 2010, tahap literasi asas dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia serta numerasi asas dalam kalangan murid telah meningkat, iaitu daripada 81% dan 90% masing-masing pada tahun 2010, kepada 99% bagi kedua-dua tahap. Pada tahun 2013, ujian saringan literasi mata pelajaran Bahasa Inggeris telah dimulakan bagi murid Tahun 1 dan berjaya memperlihatkan peningkatan daripada 50% murid pada awalnya kepada 63% murid dalam tempoh enam bulan.
- **Inisiatif Enrolmen Prasekolah:**  
Usaha yang digerakkan oleh Kementerian bagi memastikan lebih ramai kanak-kanak memperoleh pendidikan awal kini berjaya. Kadar enrolmen prasekolah telah meningkat sehingga 81.7% hasil kerjasama antara pihak Kementerian dengan pelbagai agensi kerajaan dan pengusaha prasekolah swasta bagi mempertingkatkan kualiti dan bilangan murid prasekolah, serta menyediakan bantuan yuran kepada keluarga berpendapatan rendah.
- **Piagam Pemimpin: Pemilihan kepimpinan sekolah akan dibuat berdasarkan merit**  
Kini, kriteria pemilihan untuk kenaikan pangkat sebagai pengetua atau guru besar tidak lagi dibuat berdasarkan tempoh perkhidmatan. Calon pengetua atau guru besar dikehendaki menjalani program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL).
- **Kemahiran Berfikir Aras Tinggi:**  
Bagi memantapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam kalangan murid, program i-THINK yang berfokus kepada penggunaan peta minda dan bertujuan mempertingkatkan pembelajaran murid telah dilancarkan di 500 buah sekolah. Sepuluh sekolah juga telah mengorak langkah ke fasa pencalonan bagi Program *International Baccalaureate (IB) Middle Years*.
- **Transformasi Pendidikan Vokasional:**  
Peratusan murid lepasan PMR yang meneruskan pengajian vokasional kini mencecah 4.6%, berbanding dengan 4% pada tahun 2012. Kementerian berjaya menambah bilangan Kolej Vokasional (KV) daripada 15 buah kepada 72 buah pada tahun 2013, lantas membuka peluang bagi lebih ramai murid meneruskan pengajian dalam pelbagai bidang vokasional. Kementerian juga menjalinkan kerjasama dengan beberapa Institut Latihan Kemahiran Awam dan Swasta (ILKA dan ILKS) melalui tajaan yuran bagi murid yang ingin meneruskan pengajian dalam kursus yang tidak ditawarkan di KV.

## Pengajaran untuk penambahbaikan diperoleh pada tahun 2013.

Kejayaan yang diraih serta cabaran yang ditempuh pada tahun 2013 telah mencetuskan pemikiran baharu untuk dimanfaatkan oleh Kementerian. Pengalaman yang diperoleh oleh Kementerian pada tahun 2013 menguatkan lagi iltizam untuk menambah baik pelaksanaan, khususnya:

- **Wujud sekolah cemerlang dan amalan terbaik di Malaysia:**  
Sekolah berprestasi tinggi sudah terdapat di Malaysia (yang setara dengan sistem pendidikan terbaik dunia), seperti yang ditunjukkan daripada ujian penilaian PISA 2012. Selain itu, banyak pengalaman daripada sekolah biasa dan Sekolah Amanah yang berhasil menggarap pelibatan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta sehingga menyumbang kepada kejayaan para muridnya yang boleh dijadikan iktibar bersama-sama semua pihak. Kini, Kementerian perlu menggembelngkan sumber untuk mengenal pasti dan menyebarkan amalan terbaik yang diterapkan oleh sekolah cemerlang ini agar dapat dimanfaatkan oleh sekolah lain di Malaysia.
- **Fokus kepada keberhasilan murid:**  
Kementerian mengakui keberkesanan transformasi pendidikan berlaku apabila keberhasilan murid dan penerapan amalan terbaik di sekolah berjaya memperlihatkan peningkatan yang signifikan. Bagi memastikan peningkatan ini berhasil di semua bilik darjah di seluruh negara, Kementerian akan terus memantapkan usaha dengan memberikan fokus kepada inisiatif yang mampu memberikan impak secara langsung terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran, dan keberhasilan murid melalui inisiatif LINUS, KBAT dan ProELT.
- **Penyelarasan yang kemas serta perancangan yang terperinci perlu bagi mengatasi cabaran pelaksanaan:**  
Sistem pendidikan Malaysia yang kompleks dan rencam, mencakupi lebih 10 000 buah sekolah dan 420 000 orang guru, serta skop pentadbiran Kementerian yang begitu luas, memerlukan kerjasama yang kemas dan licin antara JPN, PPD dan sekolah.
- **Komunikasi serta pelibatan yang berterusan antara semua pihak berkepentingan adalah amat penting:**  
Kementerian mengiktiraf bahawa usaha yang signifikan perlu dilaksanakan bagi memastikan semua pihak berkepentingan, iaitu guru, pemimpin sekolah, ibu bapa dan komuniti, perlu terlibat secara lebih aktif untuk menjayakan inisiatif PPPM. Kementerian juga akan terus meraih lebih banyak pelibatan ibu bapa melalui usaha menyebarkan Sarana Ibu Bapa agar ibu bapa berupaya menyumbang kepada pembelajaran anak-anak mereka.

## Kementerian amat menyambut baik maklum balas daripada orang awam.

Kementerian amat menyambut baik maklum balas yang dikemukakan secara berterusan daripada rakyat Malaysia serta masyarakat antarabangsa. Transformasi sistem pendidikan bukanlah suatu perkara yang mudah. Maklum balas kepada Kementerian pada tahun 2013 begitu menggalakkan dan berupaya memberikan pencerahan dalam beberapa isu, terutamanya:

- **Pelaksanaan wajar dipercepatkan:**  
Maklum balas yang berterusan daripada orang awam serta pihak media menyatakan bahawa pelaksanaan inisiatif merupakan cabaran terbesar Kementerian. Kementerian mengakui perkara ini dan akan terus meningkatkan pemantauan, tindakan susulan dan pengurusan yang cekap.



- **Kepekaan yang rendah tentang transformasi:**  
Kementerian juga mengakui bahawa kepekaan awam tentang PPPM masih rendah. Dalam mengorak langkah seterusnya, Kementerian akan berusaha lebih gigih untuk melibatkan pelbagai komuniti dan pihak berkepentingan agar lebih ramai yang peka tentang matlamat dan tindakan yang digariskan dalam PPPM.
- **Pengiktirafan oleh masyarakat antarabangsa:**  
Kementerian menerima input bebas daripada masyarakat antarabangsa berkenaan PPPM. Antaranya termasuklah daripada ahli antarabangsa, seperti Dr. Michael Fullan (Penasihat Khas kepada Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan Ontario) dan Dr. Andreas Schleicher (Ketua, Analisis dan Indikator, OECD). Input yang diperoleh telah mengiktiraf bahawa ciri-ciri PPPM adalah tepat dan hanya memerlukan pelaksanaan yang berkesan. Pengiktirafan tersebut memperkukuh keyakinan Kementerian bahawa transformasi pendidikan ini berada pada landasan yang tepat.

## Sokongan dan komitmen yang berterusan amat diperlukan.

Transformasi sektor pendidikan hanya akan berjaya apabila mendapat sokongan dan komitmen yang berterusan daripada semua pihak berkepentingan agar melibatkan diri dengan lebih aktif dan menyeluruh dalam melaksanakan pembaharuan pada masa hadapan.

Transformasi pendidikan memerlukan komitmen semua pihak berkepentingan. Semua pihak mesti bertanggungjawab dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Kementerian berharap agar pembaharuan yang digariskan di bawah akan terlaksana merentasi keseluruhan sistem pendidikan:

- **Guru** akan menjadi pemimpin dalam bilik darjah melalui pembangunan diri dan profesional yang berterusan. Mereka akan menerima lebih banyak sokongan, bimbingan dan latihan daripada Kementerian (contohnya, dari PPD dan pembimbing pakar).
- **Pemimpin sekolah** akan berperanan sebagai pemimpin pengajaran yang cemerlang, bukan sahaja sebagai ketua pentadbir, tetapi meluangkan lebih masa untuk melatih guru, serta menjadi agen perubahan di sekolah dan dalam komuniti.
- **Pegawai pendidikan** di negeri dan daerah akan menjadi pembimbing yang lebih baik dan menyokong pihak sekolah. Mereka akan mengadakan lawatan kerja ke sekolah dengan lebih kerap dan membantu sekolah menyelesaikan masalah.
- **Pegawai di Kementerian** akan bekerjasama dengan lebih rapat dan membuat keputusan berdasarkan analisis data. Mereka akan menumpukan usaha kepada pelaksanaan dan pelibatan pihak berkepentingan, khususnya bagi memastikan penambahbaikan dalam keberhasilan murid.
- **Ibu bapa** akan menjadi rakan kongsi dalam pembelajaran anak-anak mereka dan bekerjasama rapat dengan pemimpin sekolah dan guru untuk menyokong pembelajaran anak di sekolah dan di rumah.
- **Orang awam dan sektor swasta** perlu memberikan sokongan padu dan galakan kepada guru dan pemimpin sekolah, dan menyedari bahawa transformasi pendidikan memerlukan masa dan usaha. Mereka perlu terus memberikan maklum balas dan bekerjasama secara aktif dengan sekolah dan Kementerian untuk meningkatkan pencapaian sekolah.





BAB

01


PELAN PEMBANGUNAN  
PENDIDIKAN MALAYSIA  
2013-2025  
SEPINTAS LALU

Kementerian Pendidikan Malaysia (Kementerian) telah menghasilkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 bagi menyediakan pendidikan terbaik untuk semua murid. Penghasilan pelan ini mengambil kira input daripada pelbagai sumber termasuk laporan penyelidikan tempatan dan antarabangsa, serta pandangan daripada pakar pendidikan, warga pendidik, ibu bapa, murid dan rakyat di seluruh negara. PPPM juga mengambil kira aspirasi dan dasar dalam laporan pendidikan terdahulu seperti Laporan Razak 1956, Laporan Rahman Talib 1960, Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979, Akta Pendidikan 1996 dan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010.

Setiap kanak-kanak di Malaysia mempunyai hak untuk mendapat pendidikan yang menyediakan mereka menjadi modal insan produktif yang menyumbang kepada kemakmuran negara. Setiap murid yang dilahirkan melalui sistem pendidikan negara perlu dilengkapi dengan pengetahuan, kemahiran pemikiran kritikal, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional yang utuh (Ekshibit 1-1). Untuk merealisasikan keberhasilan murid yang dihasratkan, PPPM telah menggariskan lima aspirasi sistem: akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan (Ekshibit 1-2).

Ekshibit 1-1


Enam ciri utama yang diperlukan oleh setiap murid untuk bersaing pada peringkat antarabangsa



Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013

Ekshibit 1-2

Lima aspirasi sistem pendidikan Malaysia



Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013

Bagi mencapai aspirasi yang dihasratkan, PPPM telah menggariskan 11 anjakan yang dijadikan tunjang kepada transformasi sistem pendidikan negara (Ekshibit 1-3).

Ekshibit 1-3

11 Anjakan untuk transformasi pendidikan negara

ANJAKAN	<p><b>MENYEDIAKAN KESAMARATAAN AKSES KEPADA PENDIDIKAN BERKUALITI BERTARAF ANTARABANGSA</b></p> <p><b>ANJAKAN 1</b></p>	<p><b>MEMASTIKAN SETIAP MURID Menguasai kemahiran dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dan digalakkan mempelajari bahasa tambahan</b></p> <p><b>2</b></p>	<p><b>MELAHIRKAN RAKYAT YANG MENGHAYATI NILAI</b></p> <p><b>3</b></p>	<p><b>MENTRANSFORMASI PROFESION KEGURUAN MENJADI PROFESION PILIHAN</b></p> <p><b>4</b></p>	<p><b>MEMASTIKAN KEPIMPINAN BERPRESTASI TINGGI DITEMPATKAN DI SETIAP SEKOLAH</b></p> <p><b>5</b></p>
	<p><b>MENGUPAYA JPN, PPD DAN SEKOLAH UNTUK MENYEDIAKAN PENYELESAIAN KHUSUS BERASASKAN KEPERLUAN</b></p> <p><b>6</b></p>	<p><b>MEMANFAATKAN ICT BAGI MENINGKATKAN KUALITI PEMBELAJARAN DI MALAYSIA</b></p> <p><b>7</b></p>	<p><b>MENTRANSFORMASI KEMAMPUAN DAN KEUPAYAAN PENYAMPAIAN KEMENTERIAN</b></p> <p><b>8</b></p>	<p><b>BEKERJASAMA DENGAN IBUBAPA, KOMUNITI, DAN SEKTOR SWASTA SECARA MELUAS</b></p> <p><b>9</b></p>	<p><b>MEMAKSIMUMKAN KEBERHASILAN MURID BAGI SETIAP RINGGIT</b></p> <p><b>10</b></p>

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013

## Penubuhan PADU untuk memacu pelaksanaan

Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan atau *Education Performance and Delivery Unit* (PADU) telah ditubuhkan pada bulan April 2013 sebagai pemangkin pelaksanaan inisiatif-inisiatif PPPM bagi memastikan keberkesanan penyampaian dalam mencapai keberhasilan transformasi pendidikan. Pegawai PADU terdiri daripada bakat terbaik daripada sektor awam dan juga sektor swasta. PADU merupakan rakan kerja dengan pelbagai pihak berkepentingan dalam Kementerian (Ekshibit 1-4) dan luar Kementerian. Fungsi utama PADU adalah untuk memudah cara dan memantau pelaksanaan dan kemajuan inisiatif, mengurus keadaan saling bergantung antara agensi, dan menyokong Kementerian dalam penyampaian keberhasilan PPPM dengan jayanya menjelang tahun 2025.

Ekshibit 1-4

### Fungsi PADU




## Membina batu asas transformasi pendidikan dalam Gelombang 1 (2013-2015) pelaksanaan PPPM

PPPM akan dilaksanakan dalam tiga gelombang (Ekshibit 1-5).

Ekshibit 1-5

### Tiga gelombang pelaksanaan PPPM



Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013

Dua tahun pertama pelaksanaan Gelombang 1 (2013-2015) membina batu asas yang kukuh dalam transformasi pendidikan. Fokus Kementerian dalam fasa ini adalah untuk mempercepatkan perubahan kaedah pelaksanaan program.

Usaha Kementerian tertumpu kepada peningkatan penguasaan literasi asas (Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris) dan numerasi melalui program pemulihan yang intensif, peningkatan kualiti keguruan melalui peningkatan kemahiran guru dan mengukuhkan kualiti kepimpinan sekolah melalui penambahbaikan syarat pemilihan dan pelantikan pengetua dan guru besar.

Kementerian juga akan mengukuhkan dan mengupayakan JPN dan PPD untuk meningkatkan sokongan yang diberi kepada sekolah. Tambahan pula, Kementerian akan memastikan bahawa semua sekolah dilengkapi dengan infrastruktur asas.

Kementerian beriltizam untuk memastikan bahawa menjelang hujung Gelombang 1, semua guru, pemimpin sekolah dan sekolah telah mencapai tahap minimum standard kualiti yang dihasratkan.

### Bidang tumpuan utama bagi Gelombang 1

- Meningkatkan penguasaan literasi asas (Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris) dan numerasi
- Meningkatkan kualiti keguruan
- Mengukuhkan kepimpinan sekolah
- Mengukuhkan dan mengupayakan JPN dan PPD
- Memastikan sekolah dilengkapi dengan infrastruktur asas

Antara cabaran utama yang dikenal pasti sebelum pelaksanaan PPPM ialah cabaran dalam menguruskan saling kaitan dan peranan antara bahagian, dan memastikan tumpuan dan sokongan diberikan kepada inisiatif utama. Bagi menangani cabaran ini, Kementerian telah menyelaraskan inisiatif di bawah 1Agenda KPM, di mana inisiatif yang dilaksanakan daripada pelbagai rancangan pendidikan telah disusun mengikut keutamaan, disenarai pendek dan dipertanggungjawabkan kepada bahagian di Kementerian. Kementerian juga telah menjalankan kajian pertengahan tahun di mana pengurus program diberi peluang untuk mengkaji kejayaan dan kekurangan dalam pelaksanaan inisiatif, dan menyuarakan cabaran yang mereka hadapi.

## 100 Hari Pertama Pelaksanaan PPPM

Pencapaian segera 100 Hari Pertama Pelaksanaan PPPM membuktikan kesungguhan Kementerian dalam melaksanakan transformasi pendidikan sekali gus membina keyakinan semua pihak berkepentingan terhadap kemampuan Kementerian melaksanakan transformasi pendidikan. Pencapaian 100 Hari Pertama Pelaksanaan PPPM adalah seperti berikut:

- Pengenalan 352 Rakan Peningkatan Sekolah (SiPartner+) dan Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (SISC+) di Kedah dan Sabah bagi membimbing pemimpin sekolah dan guru – dalam Program Transformasi Daerah;
- Pengujian tahap penguasaan Bahasa Inggeris dan 61,000 guru yang mengajar Bahasa Inggeris dan melatih kohort pertama guru seramai 5,000 orang;
- Pelancaran dan pengedaran Sarana Sekolah dan Sarana Ibu Bapa di 10,000 sekolah; dan
- Pelancaran portal dan video e-Guru.



## Mempromosikan PPPM

PPPM merupakan suatu pelan jangka masa panjang dalam mentransformasikan sistem pendidikan Malaysia. Memandangkan rakyat berinteraksi dengan sistem pendidikan dalam pelbagai cara – sebagai ibu bapa, murid, warga pendidikan dan majikan, peranan rakyat dalam proses transformasi pendidikan adalah amat penting. Sejak awal tahun 2013, Kementerian telah berusaha meningkatkan kesedaran dan kefahaman rakyat serta warga pendidik tentang PPPM.

### Sesi interaksi bersama-sama warga pendidik dan masyarakat

- 6 jerayawara dan sesi dialog bersama-sama Menteri Pendidikan II
- 8 pameran dan Hari Bertemu Pelanggan KPM
- 18,650 hadir sepanjang sesi interaksi bersama-sama Kepimpinan Tertinggi dan pegawai KPM

### PPPM dalam media

- Sesi wawancara KPM yang disiarkan dalam akhbar utama
- Pelibatan dalam rancangan bual bicara di RTM, TV3, NTV7, TV9, Astro Awani
- Artikel dan hebahan dalam media sosial
- 10 buletin Anjakan

## Pengiktirafan antarabangsa terhadap PPPM

Transformasi pendidikan negara telah mendapat pengiktirafan di persada dunia. Pada tahun 2013, delegasi dari Finland, Morocco, Jepun, Korea Selatan dan Sri Lanka telah memuji PPPM sebagai suatu visi yang bercita-cita tinggi untuk meletakkan Malaysia antara sistem pendidikan terbaik di dunia. Maklum balas daripada taklimat dan pameran PPPM sempena Persidangan Agung UNESCO sesi ke-37 juga menunjukkan bahawa Kementerian berada pada landasan yang betul ke arah sistem pendidikan berkualiti tinggi, sekaligus mengesahkan ketekalan Kementerian dalam menyampaikan transformasi pendidikan.

*“Malaysia adalah satu negara di mana keputusan bagi Matematik dalam PISA 2012 menunjukkan peningkatan terbesar. Satu lagi tanda yang menunjukkan bahawa Malaysia dapat melaksanakan transformasi dengan jayanya ialah kewujudan sekolah cemerlang di negara ini. Terdapat bukti yang baik di Malaysia; kita tidak perlu melihat ke Jepun, Singapura atau Shanghai... ada sekolah bertaraf dunia di Malaysia dan mereka menunjukkan bahawa tahap prestasi tertinggi dapat dicapai oleh sekolah di Malaysia.”*

Dr. Andreas Schleicher, Ketua, Analisis dan Indikator, OECD

*“Pengisian dalam PPPM adalah betul, tetapi ianya memerlukan usaha gigih pada peringkat pelaksanaan supaya dapat meningkatkan kebolehan pengetua dan guru besar untuk menjadi pemimpin yang lebih baik dan untuk meningkatkan semangat guru.”*

Prof. Michael Fullan, Penasihat Khas kepada Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan, Ontario

## Ringkasan Pencapaian tahun 2013






Kementerian komited terhadap ketelusan kepada rakyat dalam melaporkan pencapaian inisiatif PPPM. Laporan Tahunan ini menyatakan kemajuan inisiatif yang dilaksanakan di bawah PPPM. Pencapaian utama tahun 2013 telah diringkaskan dalam Ekshibit 1-6.

Secara keseluruhan, pencapaian PPPM bagi tahun pertama pelaksanaan adalah menggalakkan kerana terdapat inisiatif yang telah mencapai sasaran yang ditetapkan. Namun, Kementerian menyedari masih banyak cabaran yang perlu ditangani dan akan melipatgandakan usaha bagi memastikan kejayaan PPPM pada tahun-tahun mendatang. Kementerian akan terus berusaha untuk bekerjasama dengan semua pihak yang berkepentingan bagi memastikan semua anak-anak Malaysia mendapat pendidikan berkualiti.









Ekshibit 1-6

### Pencapaian utama tahun 2013

Impak kepada: M Murid G Guru P Pengetua K Kementerian

	Inisiatif	Penerangan	Maklumat lanjut
Akses	 Peningkatan enrolmen prasekolah <span style="color: yellow;">M</span> <span style="color: yellow;">G</span>	Kanak-kanak yang mendapat pendidikan awal sebagai asas pembelajaran semakin meningkat. 81.7% kanak-kanak berumur 4+ and 5+ belajar di prasekolah berbanding 80.2% pada tahun 2012.	Bab 2 Muka surat 27
	 Transformasi pendidikan vokasional <span style="color: yellow;">M</span>	Akses kepada pendidikan vokasional telah diperluas, justeru memberi peluang kepada lebih banyak murid untuk mengikuti jurusan vokasional. 4.6% murid lepas-PMR kini mengikuti aliran vokasional berbanding 4.0% dalam tahun 2012, termasuk 518 murid berkeperluan khas.	Bab 2 Muka surat 30
Kualiti	 Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) <span style="color: yellow;">M</span> <span style="color: yellow;">G</span> <span style="color: blue;">K</span>	Kemahiran berfikir secara kritis dalam kalangan murid dipertingkatkan bagi meningkatkan daya saing mereka dalam ekonomi global. Konsep KBAT siap, i-THINK dilancar di lebih 500 sekolah dan 10 sekolah memasuki fasa pencalonan untuk <i>IB Middle Years Programme</i> .	Bab 3 Muka surat 50
	 Literasi dan Numerasi (LINUS 2.0) <span style="color: yellow;">M</span>	Literasi sejagat Bahasa Malaysia dan numerasi sejagat hampir tercapai. Literasi Bahasa Inggeris diperkenalkan pada tahun 2013. Literasi BI meningkat kepada 63% dalam masa 4 bulan daripada garis asas 50% dalam kalangan murid Tahun 1.	Bab 3 Muka surat 53
	 Peningkatan Profisiensi Guru Bahasa Inggeris (ProELT) <span style="color: yellow;">G</span>	Kemahiran berbahasa dalam kalangan guru Bahasa Inggeris telah dipertingkatkan. 76% daripada guru BI yang menjalani ProELT meningkat sekurang-kurangnya 1 tahap penguasaan.	Bab 3 Muka surat 57

Impak kepada: M Murid G Guru P Pengetua K Kementerian

	Inisiatif	Penerangan	Maklumat lanjut
Kecekapan	 Transformasi IPG (Institut Pendidikan Guru) <span style="color: yellow;">G</span>	Syarat kemasukan ke IPG telah diperketatkan. 42% pengambilan pelatih terkini merupakan pelajar cemerlang dengan sekurang-kurangnya 7A, 70% dengan dengan sekurang-kurangnya 5A, berbanding hanya 9% daripada calon-calon tahun 2012 dengan sekurang-kurangnya 7A.	Bab 3 Muka surat 61
	 Piagam Pemimpin Sekolah <span style="color: blue;">P</span>	Syarat pemilihan pengetua dan guru besar ditambah baik, untuk memastikan calon yang terbaik memimpin sekolah. Syarat baharu pemilihan pengetua dan guru besar berasaskan prestasi diluluskan menggantikan syarat sedia ada yang berdasarkan tempoh perkhidmatan.	Bab 3 Muka surat 61
Ekuiti	 Program Transformasi Daerah (DTP) <span style="color: yellow;">M</span> <span style="color: yellow;">G</span> <span style="color: blue;">P</span>	Peningkatan prestasi terbukti melalui pengupayaan PPD dalam memberi sokongan khusus kepada sekolah. Rintis DTP di Kedah dan Sabah mencatatkan peningkatan prestasi terbaik UPSR, PMR dan SPM.	Bab 4 Muka surat 73
	 Program Pendidikan Inklusif <span style="color: yellow;">M</span>	Bilangan murid berkeperluan khas yang mengikuti Program Pendidikan Inklusif semakin meningkat. 9.6% murid berkeperluan khas kini belajar bersama-sama murid-murid dalam kelas arus perdana.	Bab 4 Muka surat 80
Perpaduan	 Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP) <span style="color: yellow;">M</span>	Interaksi antara murid pelbagai kaum dari berlainan jenis sekolah semakin meningkat. 20% sekolah rendah di seluruh negara berjaya melaksanakan program RIMUP.	Bab 5 Muka surat 86
Kecekapan	 Transformasi Kementerian <span style="color: blue;">K</span>	Penstrukturan semula Kementerian telah bermula. Perwakilan kuasa ke JPN bagi kontrak perolehan, perkhidmatan dan bekalan sehingga RM5 juta. Profil kompetensi kepimpinan 251 jawatan utama JPN dan PPD selesai dilaksanakan.	Bab 6 Muka surat 92
	 Infrastruktur Asas <span style="color: yellow;">M</span> <span style="color: yellow;">G</span> <span style="color: blue;">P</span>	Sekolah telah dilengkapi dengan infrastruktur asas bagi mewujudkan suasana yang kondusif untuk pembelajaran. Pembaikan kritikal selesai bagi 1,693 projek sekolah.	Bab 6 Muka surat 97
	 1BestariNet <span style="color: yellow;">M</span> <span style="color: yellow;">G</span>	Akses kepada internet dan persekitaran pembelajaran maya (VLE) ditambah baik. 91.5% daripada 9,889 sekolah telah dirangkaikan dengan capaian internet melalui 1BestariNet.	Bab 6 Muka surat 99




BAB

# 02

## PENINGKATAN AKSES KEPADA PENDIDIKAN BERKUALITI

Setiap kanak-kanak warganegara Malaysia berhak mendapat kesamarataan peluang pendidikan bagi membolehkan mereka mencapai potensi masing-masing. Kementerian berhasrat memastikan kadar akses sejagat dalam kalangan kanak-kanak dari peringkat prasekolah hingga ke peringkat menengah atas menjelang tahun 2020.

## SOROTAN UTAMA




Seiring dengan pembangunan ekonomi negara serta peningkatan kepakaran tenaga kerja dalam tempoh empat dekad yang lalu, Malaysia telah melakukan pelaburan yang besar dalam usaha memastikan wujudnya akses kepada pendidikan dari peringkat prasekolah sehingga ke peringkat lepas menengah. Transformasi pendidikan melalui PPPM juga akan meluaskan peluang kepada murid untuk mendapatkan pendidikan yang relevan dengan keperluan serta minat mereka, sekaligus membolehkan mereka membangunkan bakat dan mencapai potensi mereka. Justeru, Kementerian telah melaksanakan beberapa usaha ke arah peluasan akses pada semua peringkat pendidikan seperti yang diterangkan di bawah:

- Peningkatan enrolmen prasekolah;
- Transformasi pendidikan vokasional (TPV);
- Penawaran pelbagai aliran pendidikan;
- Penerusan akses kepada pendidikan bagi kumpulan khusus;
- Transformasi Tingkatan Enam; dan
- Peluasan pengiktirafan program Matrikulasi

Pada tahun 2013, kadar enrolmen menunjukkan peningkatan yang memuaskan pada semua peringkat, kecuali enrolmen prasekolah yang menunjukkan peningkatan yang tertinggi (Ekshibit 2-1).

Ekshibit 2-1

## Kadar enrolmen\* prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah



Nota : Pengumpulan data untuk prasekolah bermula pada tahun 2007, data enrolmen prasekolah merangkumi prasekolah agensi kerajaan dan swasta. Data enrolmen sekolah rendah, menengah rendah dan menengah atas merangkumi sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan sahaja.

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2013

## Peningkatan Enrolmen Prasekolah

Pendidikan prasekolah merupakan peringkat penting dalam penyediaan awal kanak-kanak untuk menghadapi pendidikan formal. Pelaksanaan pendidikan prasekolah di Malaysia disokong oleh dua agensi utama, iaitu agensi kerajaan dan agensi swasta. Agensi kerajaan terdiri daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), manakala agensi swasta termasuk Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan Pusat Perkembangan Minda.

Usaha yang telah dilakukan bagi meningkatkan enrolmen prasekolah tertumpu kepada:

- Menambah bilangan kelas prasekolah awam;
- Menyediakan bantuan geran permulaan untuk menggalakkan penubuhan prasekolah swasta baharu;
- Menyediakan bantuan yuran pendidikan prasekolah swasta;
- Menyediakan bantuan yuran pengajian untuk meningkatkan kualiti guru prasekolah swasta;
- Memantapkan proses kutipan data melalui Sistem Maklumat Prasekolah Kebangsaan (SMPK); dan
- Memastikan kualiti prasekolah melalui Sistem Kualiti Prasekolah Kebangsaan (SKPK).

Melalui usaha ini, Kementerian menyasarkan peningkatan enrolmen prasekolah daripada 80.5% pada tahun 2012 (768,145 murid) kepada 88% pada tahun 2013. Sehingga Disember 2013, enrolmen prasekolah yang dicapai berada pada 81.7% (793,269 murid) daripada kanak-kanak berumur 4+ dan 5+.



## Menambah bilangan kelas prasekolah awam

Semenjak tahun 2010, Kementerian telah membuka lebih banyak kelas prasekolah serta meluluskan pembukaan lebih banyak prasekolah swasta. Sehingga tahun 2013, Kementerian telah membuka sebanyak 8,883 kelas prasekolah bagi menampung seramai 192,173 (24.2%) murid, manakala bilangan prasekolah kelas swasta telah meningkat kepada 25,153 (Ekshibit 2-2).

Ekshibit 2-2

### Bilangan kelas dan enrolmen di prasekolah kerajaan dan swasta

Agensi	2012		2013	
	Bil. Kelas	Enrolmen	Bil. Kelas	Enrolmen
KPM	8,671	186,246	8,883	191,723
KEMAS	10,966	180,113	11,065	176,993
JPNIN	1,731	37,747	1,781	37,617
Swasta	22,965	364,039	25,153	386,936
<b>Jumlah</b>	<b>44,333</b>	<b>768,145</b>	<b>46,882</b>	<b>793,269</b>

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, 2013



## Menyediakan bantuan geran permulaan untuk menggalakkan penubuhan prasekolah swasta baharu

Kerajaan menggalakkan penubuhan lebih banyak prasekolah swasta melalui pemberian bantuan geran permulaan. Pada tahun 2013, Kementerian telah memberikan bantuan sebanyak RM5 juta bagi menubuhkan 296 prasekolah swasta termasuk 38 prasekolah yang mendaftarkan kanak-kanak berkeperluan khas.

## Menyediakan bantuan yuran pendidikan prasekolah swasta


Kerajaan menyediakan bantuan yuran prasekolah swasta kepada keluarga berpendapatan rendah bagi menggalakkan kanak-kanak mengikuti pendidikan prasekolah, khususnya bagi kawasan yang tiada prasekolah kerajaan. Pada tahun 2013, 34,477 kanak-kanak termasuk 75 kanak-kanak berkeperluan khas telah menerima bantuan yuran prasekolah swasta berjumlah RM29.2 juta berbanding 13,985 kanak-kanak yang telah menerima bantuan berjumlah RM11.6 juta pada tahun 2012.

## Menyediakan bantuan yuran pengajian untuk meningkatkan kualiti guru prasekolah swasta

Guru yang mendidik anak-anak pada peringkat prasekolah hendaklah terdiri daripada mereka yang berkelayakan dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak. Pada tahun 2012, hampir 80% daripada guru prasekolah swasta didapati tidak mempunyai kelayakan dalam bidang ini (Ekshibit 2-3). Bagi meningkatkan kualiti guru prasekolah swasta, Kementerian telah menyediakan bantuan yuran pengajian sebanyak RM1,000 setahun bagi tempoh tiga tahun pengajian kepada pemohon yang layak. Bantuan ini menampung kira-kira 16-25% daripada keseluruhan kos pengajian peringkat diploma dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak.

Ekshibit 2-3

### Bilangan guru prasekolah swasta mengikut tahap pendidikan Bilangan, peratus



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, 2013

Pada tahun 2013, 383 guru prasekolah swasta yang layak telah menerima tajaan untuk melanjutkan pengajian secara separuh masa di 17 institusi pendidikan tinggi awam dan swasta. Bagi menggalakkan lebih ramai guru prasekolah mengikuti pengajian pada peringkat diploma, kriteria pemilihan dan kadar bantuan yuran pengajian akan dikaji semula pada tahun 2014.

## Memantapkan proses kutipan data melalui Sistem Maklumat Prasekolah Kebangsaan (SMPK)

Kementerian telah membangunkan SMPK semenjak tahun 2010 sebagai pangkalan data yang digunapakai oleh Kementerian Pendidikan, KEMAS, JPNIN dan prasekolah swasta berdaftar bagi mendapatkan maklumat enrolmen yang tepat dan menyeluruh. Kementerian juga mengumpul data secara manual, khususnya daripada prasekolah swasta yang tidak berdaftar. Kaedah ini menyumbang sebanyak 16.7% (132,713 murid) daripada jumlah data enrolmen murid bagi tahun 2013.

## Memastikan kualiti prasekolah melalui Sistem Kualiti Prasekolah Kebangsaan (SKPK)

Bagi memastikan semua prasekolah mempunyai kualiti yang setanding, SKPK telah dirintis pada tahun 2013 melalui penarafan sendiri secara dalam talian. Sebanyak 99.0% (16,083) prasekolah kerajaan dan 44.3% (3,003) prasekolah swasta berdaftar telah mengisi SKPK.

## Melangkah ke hadapan

Kementerian akan meneruskan usaha untuk melibatkan ibu bapa dan mengukuhkan kerjasama dengan pengusaha prasekolah dan institusi pengajian tinggi, dalam memastikan bahawa lebih ramai kanak-kanak mempunyai akses kepada pendidikan awal yang berkualiti.

Untuk meningkatkan enrolmen prasekolah pada tahun 2014, Kementerian akan memberikan tumpuan kepada perkara berikut:

- Meningkatkan kesedaran ibu bapa tentang kepentingan pendidikan awal kanak-kanak;
- Menguatkuasakan penggunaan SMPK kepada semua pengusaha prasekolah;
- Mengadakan permuafakatan dengan institut pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta bagi meningkatkan kualiti guru prasekolah swasta; dan
- Meningkatkan pemantauan prasekolah dengan agensi berkaitan.



## Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV)

Pendidikan vokasional mempersiapkan murid dengan kelayakan dan kemahiran yang diiktiraf oleh industri supaya diterima dalam pasaran kerja serta menjadi usahawan yang berdaya saing pada masa hadapan. Justeru itu, Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) bertujuan meningkatkan peluang murid untuk memasuki bidang vokasional pada peringkat menengah atas. Keutamaan dalam TPV tertumpu kepada:

- Menawarkan lebih banyak tempat di Kolej Vokasional (KV);
- Mengadakan kerjasama dengan Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) dan Institut Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) melalui kaedah pembelian tempat; dan
- Menawarkan tempat kepada murid berkeperluan khas di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV) dan ILKS.

### Menawarkan lebih banyak tempat di Kolej Vokasional

Pelaksanaan TPV yang dirintis di 15 Kolej Vokasional (KV) pada 2012 telah diperluas kepada 72 KV pada tahun 2013. KV melibatkan penjenamaan dan penstrukturan semula Sekolah Menengah Teknik (SMT) dan Sekolah Menengah Vokasional (SMV).

Bagi memastikan program KV relevan dengan kehendak industri, Kementerian telah menandatangani 118 memorandum persefahaman (MoU) dengan rakan industri. MoU ini membolehkan murid KV menjalani latihan di industri tersebut.

Pelaksanaan TPV mendapat permintaan di luar jangkaan. Daripada lebih 100,000 permohonan, Kementerian hanya dapat menyediakan tempat kepada 20,289 (4.6%) murid lepasan PMR. Justeru itu, Kementerian telah menerokai alternatif lain bagi menyediakan lebih banyak peluang pendidikan vokasional melalui kerjasama dengan institusi awam dan swasta.

### Mengadakan kerjasama dengan Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) dan Institut Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) melalui kaedah pembelian tempat

Kolaborasi dengan ILKA dan ILKS membolehkan murid untuk mengikuti kursus yang tidak ditawarkan dalam Kolej Vokasional Kementerian Pendidikan Malaysia. Pada tahun 2013, Kementerian telah membeli tempat, iaitu dengan menaja dan menempatkan 435 murid, dalam 12 kursus Teknologi Pembuatan dan Kejuruteraan di 11 ILKA di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Seramai 450 murid juga telah ditaja dan ditempatkan dalam kursus seperti Penerbangan, Marin, Animasi dan Kejuruteraan Mekatronik di empat ILKS berbanding 172 murid pada tahun 2012. Setiap murid melalui empat tahun pengajian hingga peringkat diploma dan menjalani latihan industri pada tahun ketiga dan tahun keempat dengan bakal majikan.



### Menawarkan tempat kepada Murid Berkeperluan Khas di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV) dan ILKS

Murid berkeperluan khas diberi peluang mengikuti pendidikan vokasional di SMPKV dan ILKS. Pada tahun 2013, seramai 298 murid mengikuti latihan kemahiran selama dua tahun hingga ke Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2, dan 220 murid mengikuti latihan di ILKS dalam kursus Kulinari, Mekanikal dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK).

### Melangkah ke hadapan

Faktor kejayaan yang utama dalam transformasi pendidikan vokasional ialah penawaran lebih banyak tempat untuk memenuhi permintaan bagi jurusan vokasional. Pembinaan KV baharu akan melibatkan kos yang tinggi dan mengambil tempoh yang lama. Justeru itu, Kementerian akan mengukuhkan lagi kolaborasi dengan agensi awam dan swasta untuk memastikan lebih ramai murid dapat mengikuti jurusan yang diminati pada peringkat menengah atas.

Selain itu, Kementerian juga perlu menyediakan tenaga pengajar yang berkelayakan bagi mengendalikan bidang vokasional baharu dan pengajian ke peringkat diploma. Oleh itu, Kementerian akan meningkatkan kerjasama dengan kementerian lain dan pihak swasta bagi meningkatkan kepakaran tenaga pengajar.

Pada tahun 2013, sebanyak 4.6% (20,289) murid lepasan PMR mengikuti pendidikan vokasional. Sasaran bilangan murid pendidikan vokasional pada tahun 2014 adalah sebanyak 31,500 atau 7% daripada jumlah murid lepasan PMR.

## Penawaran Pelbagai Aliran Pendidikan

### Pendidikan Agama Islam

Semakin ramai ibu bapa memilih untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah agama, terutamanya sekolah agama kerajaan dan bantuan kerajaan atau Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Agama Negeri (SAN) (Ekshibit 2-4). Bagi menampung permintaan yang tinggi, Kementerian telah menawarkan Kelas Aliran Agama (KAA) di sekolah harian biasa pada peringkat menengah. Pada tahun 2013, sebanyak 559 KAA telah ditawarkan.

Bagi memastikan kualiti pendidikan Islam yang ditawarkan oleh Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Agama Negeri (SAN) terjamin, maka mulai tahun 2006, Kementerian menggalakkan semua SAR dan SAN mendaftar sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Pada tahun 2013, sebanyak 203 SAR dan SAN telah berdaftar sebagai SABK. Dalam usaha ini, cabaran utama Kementerian adalah untuk meyakinkan Lembaga Pengelola Sekolah akan manfaat yang akan mereka peroleh apabila berdaftar sebagai SABK.

Ekshibit 2-4

### Pilihan bagi Pendidikan Agama Islam

<b>Sekolah Kerajaan dan Bantuan Kerajaan</b>	Sekolah Agama KPM: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)</li> <li>• Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMAP)</li> <li>• Kolej Islam Sultan Ahmad Shah (KISAS)</li> <li>• Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI)</li> <li>• Kelas Aliran Agama (KAA)</li> </ul>
	Sekolah Agama Negeri (SAN)
	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)
<b>Sekolah Swasta</b>	Sekolah Agama Rakyat (SAR)
	Sekolah Agama Swasta (SAS)



Kementerian telah memperkukuh pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Kebangsaan dengan mewujudkan:

- Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) untuk mata pelajaran Usul al-Din, al-Syariah dan al-Lughah al-Arabiah al-Muasirah; dan
- Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) untuk mata pelajaran Hifz al-Quran dan Maharat al-Quran.

Pada tahun 2013, Mesyuarat Majlis Raja-Raja Melayu ke-231 telah memperkenalkan cadangan melaksanakan KBD dan KBT di SABK. Kedua-dua kurikulum ini akan dilaksanakan secara berperingkat bermula dengan Tingkatan 1 pada tahun 2015.

Kementerian akan merintis KBT di sekolah agama kerajaan pada tahun 2014. KBT akan digunakan dalam pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) di tiga buah Sekolah Berasrama Penuh iaitu Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMAP) Bentong, Pahang, SMKA Kuala Lumpur dan SMKA Kedah.

## Sekolah Seni Malaysia

Sekolah Seni Malaysia ditubuhkan untuk membangunkan potensi dan bakat kesenian serta kreativiti murid. Kurikulum Kesenian merangkumi empat bidang, iaitu Seni Muzik, Seni Teater, Seni Tari dan Seni Visual. Pada tahun 2013, terdapat dua sekolah seni, iaitu Sekolah Seni Malaysia Johor dan Sekolah Seni Malaysia Kuching dengan jumlah 573 murid. Kedua-dua sekolah ini telah menunjukkan pencapaian yang membanggakan pada peringkat antarabangsa (Ekshibit 2-5).

Ekshibit 2-5

### Pencapaian Sekolah Seni Malaysia pada tahun 2013

Pertandingan	Pencapaian
<i>8th Sabah International Folklore Festival</i> 24-25 Jun 2013 Kota Kinabalu, Sabah	Anugerah Khas Juri Naib Johan Anugerah Khas Ketua Menteri Anugerah Pengurusan Terbaik
<i>World Championship Folklore</i> 6 Ogos - 3 September 2013 Bulgaria	Johan Keseluruhan <i>Diploma-Authentic Folklore Dances Gold Medal</i> <i>Diploma- Laureate</i> <i>Diploma Authentic Folklore Dances – World Champion</i> <i>Diploma Essential Contribution at Preserving and Developing of The World Traditional Folklore Arts.</i> <i>Diploma Nomination For Golden Orpheus</i> <i>Diploma- Discovery</i> <i>Diploma-Special Award</i> <i>Diploma-Honorable Presentation</i>
<i>International Festival Pop Foundation</i> 14-21 Disember 2013 Lloret de Mar, Costa Brava, Spain	Kumpulan Muzik - Johan Kumpulan Tarian - Johan Kumpulan Teater - Johan Kumpulan Seni Visual - Pertama, Kedua dan Ketiga

Sumber: Bahagian Kokurikulum dan Kesenian, 2013



Walaupun Sekolah Seni Malaysia menunjukkan prestasi yang membanggakan, Kementerian masih menghadapi kesukaran mendapatkan jurulatih Tari dan Teater daripada penjawat awam serta menyediakan kemudahan infrastruktur khusus dalam bidang Tari, Teater, Muzik dan Seni Visual.

Kementerian akan terus mengenal pasti jurulatih seni yang bertauliah dan menambahkan bilangan Sekolah Seni Malaysia serta mewujudkan Sekolah Seni Negeri. Kementerian juga akan menggalakkan lebih ramai murid yang berbakat untuk berdaftar di Sekolah Seni Malaysia bagi mengembangkan bakat kesenian dan kreativiti murid.




### Sekolah Sukan Malaysia

Sekolah Sukan Malaysia ialah sekolah yang menempatkan atlet muda yang berpotensi supaya bakat sukan mereka dapat dipupuk serta dipertingkatkan di bawah bimbingan jurulatih bertauliah. Pada tahun 2013, Sekolah Sukan Malaysia Sabah telah dibuka, menjadikan jumlah Sekolah Sukan Malaysia empat buah dengan enrolmen 1,133 murid (Ekshibit 2-6).

- Sekolah Sukan Bukit Jalil, Kuala Lumpur
- Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail, Johor
- Sekolah Sukan Malaysia Pahang
- Sekolah Sukan Malaysia Sabah

Ekshibit 2-6

Enrolmen Sekolah Sukan Malaysia, 2010-2013  
Bilangan murid



Sumber: Bahagian Sukan, 2013

Sekolah-sekolah ini menawarkan lebih daripada 25 jenis sukan. Pemilihan atlet dilakukan melalui Program Mengenal Pasti Bakat (*Talent Identification*) yang melibatkan siri ujian standard bagi mengenal pasti bakat murid. Sekolah ini juga menerima murid yang dicalonkan oleh Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) dengan persetujuan Majlis Sukan Negara (MSN). Selain itu, Kementerian juga memilih sebuah sekolah di setiap negeri untuk dijadikan Sekolah Sukan Negeri bagi memupuk bakat sukan murid.

Antara kejayaan Sekolah Sukan Malaysia pada peringkat antarabangsa pada tahun 2013 adalah seperti yang disenaraikan dalam Ekshibit 2-7.

Ekshibit 2-7

Pencapaian utama murid Sekolah Sukan Malaysia pada peringkat antarabangsa

Pertandingan Antarabangsa	Pencapaian
<b>Australian Youth Olympic Festival</b> 13-22 Januari 2013 Sydney, Australia	Emas: 3 Perak: 2 Gangsa: 4
<b>Sukan Sekolah-sekolah ASEAN (5th ASG)</b> 22-30 Jun 2013 Singapura	Naib Johan Keseluruhan Emas: 25 Perak: 30 Gangsa: 30
<b>1st Asian School Track &amp; Field Championship</b> 17-24 September 2013 Kuantan, Malaysia	Johan Keseluruhan Emas: 12 Perak: 14 Gangsa: 10
<b>Bola Sepak Piala Asian Football Confederation (AFC)</b> 19-30 September 2013 Nay Pyi Taw, Myanmar	Layak ke pusingan akhir Piala AFC
<b>Sukan SEA XXVII</b> 11-22 Disember 2013 Nay Pyi Taw, Myanmar	Emas: 8 Perak: 6 Gangsa: 8

Sumber: Bahagian Sukan, 2013

### Melangkah ke hadapan

Kementerian akan terus memberi tumpuan dalam membangunkan sekolah aliran agama, sukan dan seni. Melalui usaha-usaha ini, Kementerian beriltizam untuk mengukuhkan penyediaan pelbagai aliran pendidikan bagi memenuhi keperluan serta bakat murid.



## Penerusan Akses Kepada Pendidikan Bagi Kumpulan Khusus

Kementerian akan memastikan semua anak-anak yang kurang bernasib baik berpeluang mendapatkan pendidikan arus perdana. Pelbagai usaha dijalankan bagi memastikan anak-anak ini terus diberi pendidikan berkualiti.

### Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih

Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) ditubuhkan bagi memberikan pendidikan kepada kanak-kanak dan remaja warganegara tanpa dokumen di Chow Kit, Kuala Lumpur. SBJK penting untuk mengelakkan anak-anak ini daripada terus terbiar dan ketinggalan dalam mendapat pendidikan serta mengelakkan mereka daripada risiko terdedah kepada pelbagai bentuk gejala sosial. Sekolah ini mula beroperasi pada bulan Ogos 2013 dan menawarkan pendidikan asas dengan menggunakan Modul Pendidikan Prasekolah, Rendah dan Menengah yang disediakan khas untuk mereka.

### Sekolah Dalam Hospital

Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia dan Yayasan Nurul Yaqeen telah menyediakan pendidikan untuk murid yang mendapat rawatan dalam tempoh yang lama atau berulang-ulang ke hospital menerusi Sekolah dalam Hospital (SDH). Konsep sekolah ini adalah berdasarkan amalan terbaik di luar negara seperti Amerika Syarikat, United Kingdom dan Australia. Pada tahun 2013, tiga SDH baharu diwujudkan, menjadikan jumlahnya sebanyak 10 buah (Ekshibit 2-8).

Ekshibit 2-8

### Lokasi Sekolah dalam Hospital dan tahun pembukaan

Tahun	Nama Hospital
2011	Hospital Kuala Lumpur, Kuala Lumpur Hospital Ampang, Selangor Hospital Serdang, Selangor
2012	Hospital Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian, Kelantan Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia, Cheras, Selangor Hospital Sultanah Aminah, Johor Baharu, Johor Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh, Pahang
2013	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar, Johor Pusat Perubatan Universiti Malaya, Kuala Lumpur Hospital Selayang, Selangor



SDH menyediakan pendidikan formal dan dilaksanakan selama empat jam sehari selepas pesakit menerima rawatan. SDH menggunakan kurikulum sedia ada dengan pendekatan didik hibur dalam mata pelajaran teras, iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan subjek lain mengikut keperluan murid. Pendidikan agama Islam dan pendidikan bersifat kerohanian juga diterapkan dalam kelas bagi membantu murid menangani emosi semasa menjalani rawatan. Tenaga pengajar di SDH terdiri daripada guru yang berpengalaman yang telah dilatih dalam kemahiran mengajar pelbagai subjek pada tahap yang berlainan. Mereka juga dilatih dalam bidang klinikal.

Pada tahun 2013, bilangan murid yang pernah mengikuti pendidikan di SDH seluruh negara adalah seramai 19,240 murid (termasuk murid yang menerima rawatan berulang). Pada tahun 2014, tiga SDH baharu akan dibuka untuk menampung permintaan yang tinggi di seluruh negara.

### Sekolah Integriti and Sekolah Henry Gurney



Program Pendidikan Banduan Muda di Sekolah Integriti dan Program Pendidikan Juvana di Sekolah Henry Gurney diwujudkan dengan kerjasama Jabatan Penjara Malaysia.

Sekolah Integriti dikhususkan untuk banduan muda berusia 21 tahun ke bawah yang ditempatkan di dalam kawasan penjara tetapi mempunyai kemudahan yang diasingkan daripada banduan lain seperti bilik darjah, makmal komputer, padang atau gelanggang sukan, surau dan bilik guru. Sekolah ini menggunakan kurikulum kebangsaan. Kelas dibahagikan kepada kelas 3M (membaca, menulis, mengira), pra-PMR, PMR, pra-SPM, SPM, dan STPM.

Penyediaan pendidikan kepada penghuni penjara dan sekolah pemulihan membolehkan mereka meneruskan pelajaran dan menduduki peperiksaan awam seperti PMR,

Sekolah Integriti (SI)	
SI Kajang, Selangor	SI Kota Kinabalu, Sabah
SI Kluang, Johor	SI Kuching, Sarawak
SI Marang, Terengganu	SI Bentong, Pahang
SI Sungai Petani, Kedah	SI Muar, Johor
Sekolah Henry Gurney (SHG)	
SHG Telok Mas, Melaka	
SHG Keningau, Sabah	
SHG(W) Kota Kinabalu, Sabah	

SPM dan STPM. Akses kepada pendidikan bagi golongan ini bukan sahaja dapat memastikan tahap pendidikan setiap penghuni terus berkembang, malahan dapat menyediakan mereka dengan kelayakan pendidikan untuk kembali ke pangkuan masyarakat selepas tamat tempoh penahanan.

Sekolah Henry Gurney menempatkan golongan remaja yang diperintahkan oleh Mahkamah Juvana supaya ditahan untuk pemulihan. Sekolah Henry Gurney menggunakan modul pemulihan Jabatan Penjara termasuk pengukuhan sahsiah, akademik, kerohanian, kemahiran, sukan, dan rekreasi. Modul akademiknya menggunakan kurikulum kebangsaan bagi membolehkan penghuni menduduki peperiksaan awam, seperti SPM dan STPM.

Murid Sekolah Integriti dan Sekolah Henry Gurney yang mengambil peperiksaan awam SPM (2012) dan PMR (2013) menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan. Dalam SPM 2012, Sekolah Integriti dan Sekolah Henry Gurney mencapai 100% kelulusan untuk lima mata pelajaran, iaitu Sains, Geografi, Ekonomi Asas, Pendidikan Seni Visual dan Bahasa Cina. Malah, seorang murid berjaya memperoleh 8A dalam SPM. Sekolah Integriti dan Sekolah Henry Gurney juga mempunyai pelajar yang sedang mengikuti program peringkat diploma dan ijazah pertama.

### Melangkah ke hadapan

Kementerian akan meneruskan usaha bagi memastikan murid yang berkemungkinan tersisih daripada sistem pendidikan di sekolah arus perdana terus menerima pendidikan berkualiti. Kementerian akan meluaskan penyediaan pendidikan di lebih banyak hospital dan juga mengukuhkan lagi pendidikan dalam penjara dan pusat pemulihan juvana.

## Pendidikan Lepas Menengah

Terdapat pelbagai laluan pendidikan lepas menengah, termasuk:

- Program Tingkatan 6 dengan kelayakan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM);
  - o STPM – diiktiraf untuk kemasukan ke peringkat ijazah pertama Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia dan setara dengan peringkat A-Level oleh *Cambridge International Examinations*.
  - o STAM – diiktiraf untuk kemasukan ke peringkat ijazah pertama IPT di Malaysia dan Universiti Al-Azhar, Mesir.
- Program Matrikulasi Kementerian dalam bidang sains, perakaunan dan teknikal yang diiktiraf untuk kemasukan ke peringkat ijazah pertama IPT di Malaysia dan beberapa universiti di luar negara;
- Program Prauniversiti di Sekolah Sukan Malaysia untuk kemasukan ke peringkat ijazah pertama IPT di Malaysia;
- Program Asasi di IPT Awam yang diiktiraf untuk kemasukan ke peringkat ijazah pertama di Malaysia; dan
- Program persediaan dan ijazah pertama dalam bidang perguruan di Institut Pendidikan Guru (IPG).

### Transformasi Tingkatan 6

Transformasi Tingkatan 6 bertujuan untuk menarik minat murid dan meningkatkan enrolmen. Hasil pemuafakatan dengan pelbagai pihak berkepentingan, lima fokus utama telah dikenal pasti dalam mentransformasikan pendidikan Tingkatan 6. Lima fokus tersebut ialah penambahbaikan imej dan persepsi terhadap Tingkatan 6, infrastruktur dan info-struktur, pengurusan dan pentadbiran, mod pengajaran dan pembelajaran, serta kurikulum.

Penambahbaikan dalam lima fokus ini akan dapat menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif, pendekatan pengajaran dan pembelajaran setara dengan instituti pengajian tinggi dan tanpa pemakaian seragam sekolah. Transformasi ini merangkumi penubuhan Pusat Tingkatan 6 yang mempunyai suasana dan persekitaran seperti di IPT.

Pada tahun 2013, Kementerian juga mengenal pasti lima lokasi untuk pelaksanaan Pusat Tingkatan 6 di negeri Sabah, Selangor, Johor, WP Kuala Lumpur dan Kedah.

### Peluasan pengiktirafan Program Matrikulasi

Kementerian berazam untuk menyediakan pendidikan prauniversiti berkualiti supaya lulusan Program Matrikulasi mempunyai persediaan akademik yang kukuh sebelum

memasuki IPT. Kementerian berusaha untuk memastikan standard kurikulum dan pentaksiran Program Matrikulasi setanding dengan program prauniversiti pada peringkat antarabangsa. Kementerian akan memastikan kelayakan Program Matrikulasi diiktiraf pada peringkat antarabangsa untuk kemasukan universiti dalam jurusan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) menjelang tahun 2017.

Pada tahun 2013, penandaarasan standard kurikulum dan pentaksiran Program Matrikulasi dengan Program *A-Level United Kingdom* telah dilaksanakan dengan *Pearson/Edexcel*, iaitu sebuah badan penganugerahan antarabangsa. Lima mata pelajaran, iaitu Matematik, Kimia, Fizik, Biologi dan Pengajian Kejuruteraan (Awam/Elektrik dan Elektronik/Mekanikal) telah dinilai oleh pakar bidang khusus Program Matrikulasi dan ketua pemeriksa *Pearson Qualification International* untuk mata pelajaran yang berkaitan.

### Melangkah ke hadapan

Pada tahun 2014, dua Pusat Tingkatan 6 akan mula beroperasi di Kota Kinabalu, Sabah dan Petaling Jaya, Selangor. Penandaarasan Program Matrikulasi juga akan diteruskan dengan beberapa lagi badan penganugerahan antarabangsa untuk penambahbaikan kurikulum dan pentaksiran Program Matrikulasi secara menyeluruh.



*Dalam usaha memenuhi aspirasi Malaysia untuk mencapai enrolmen sejagat dari peringkat prasekolah hingga ke peringkat menengah atas menjelang tahun 2020, Kementerian akan meneruskan usaha untuk meningkatkan enrolmen pada semua peringkat pendidikan dan meluaskan akses bagi kumpulan berkeperluan khusus. Usaha ini memerlukan negara meningkatkan kualiti pendidikan merentas semua aliran yang ditawarkan bagi memastikan setiap kanak-kanak warganegara Malaysia dapat mencapai potensi mereka.*




BAB

# 03

## PENINGKATAN KUALITI PENDIDIKAN

Semua kanak-kanak akan berpeluang mendapat pendidikan cemerlang berdasarkan keunikan sistem pendidikan di Malaysia yang setanding dengan sistem pendidikan antarabangsa. Aspirasi sistem pendidikan negara adalah untuk meletakkan Malaysia dalam kelompok sepertiga teratas dalam pentaksiran antarabangsa mengikut pengukuran TIMSS dan PISA dalam tempoh 15 tahun yang akan datang (TIMSS dan PISA menguji Bacaan, Matematik dan Sains sahaja). Pentaksiran tambahan yang menangani dimensi kualiti lain yang relevan dengan konteks Malaysia boleh dimasukkan apabila dimensi itu dibangunkan dan diterima pada peringkat antarabangsa.

**SOROTAN UTAMA**



Matlamat transformasi pendidikan adalah untuk menjadikan sistem pendidikan Malaysia bertaraf dunia. Untuk merealisasikan aspirasi ini, salah satu bidang tumpuan utama Kementerian adalah untuk meningkatkan kualiti pendidikan dan keberhasilan murid. Kementerian telah mengenal pasti dan memberikan keutamaan kepada lima kelompok inisiatif dalam Gelombang 1 PPPM bagi menghasilkan impak langsung terhadap keberhasilan dan kemenjadian murid serta meningkatkan kualiti pendidikan. Lima kelompok inisiatif tersebut adalah:

- Kurikulum dan Pentaksiran;
- Bahasa;
- Guru;
- Pemimpin Sekolah; dan
- Pelibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Sektor Swasta.

**Prestasi pencapaian murid**

Sejak tahun 2005, keputusan peperiksaan awam seperti UPSR, PMR, SPM dan STPM pada keseluruhannya kekal pada tahap yang memuaskan. Peratusan murid yang memperoleh gred cemerlang terus meningkat (Ekshibit 3-1). Pelaksanaan PPPM bermatlamat untuk meneruskan usaha meningkatkan keberhasilan murid serta prestasi sekolah.

Berdasarkan pengukuran band sekolah, kualiti sekolah juga semakin baik pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 (Ekshibit 3-2). Sekolah Band 1 berada pada tahap prestasi terbaik, manakala sekolah Band 7 berada pada tahap prestasi terendah. Secara keseluruhan, bilangan sekolah pada tahap prestasi terbaik (Band 1 dan 2) telah meningkat kepada 31.03%, berbanding 28.99% pada tahun 2012. Bilangan sekolah pada tahap prestasi lemah (Band 6 dan 7) menurun ke 1.39% berbanding 1.73% pada tahun 2012 (Ekshibit 3-2).


Pada peringkat sekolah rendah, bilangan sekolah dalam Band 1 dan 2 telah meningkat sebanyak 7.7% manakala bilangan sekolah dalam Band 6 dan 7 menurun sebanyak 11.8% (Ekshibit 3-3). Pada peringkat sekolah menengah, bilangan sekolah dalam Band 1 dan 2 meningkat sebanyak 4.2% manakala bilangan sekolah dalam Band 6 dan 7 menurun sebanyak 24.6% (Ekshibit 3-4)

Ekshibit 3-1


**Pencapaian murid dalam peperiksaan awam**

◆ UPSR    ■ PMR    ▲ SPM    × STPM

**Peratus kertas yang digredkan lulus dalam peperiksaan kebangsaan**



**Peratus kertas yang digredkan A dalam peperiksaan kebangsaan**




Sumber: Lembaga Peperiksaan, Majlis Peperiksaan Malaysia 2014



Ekshibit 3-2


**Prestasi keseluruhan Sekolah (2009-2013)  
Bilangan Sekolah**



Sumber: NKRA, 2014

Ekshibit 3-3


**Prestasi Sekolah Rendah (2009-2013)  
Bilangan Sekolah**



Sumber: NKRA, 2014


Ekshibit 3-4

**Prestasi Sekolah Menengah (2009-2013)  
Bilangan Sekolah**



Sumber: NKRA, 2014





PPPM juga memberi tumpuan kepada pencapaian murid pada peringkat antarabangsa apabila ditanda aras dengan pentaksiran seperti *Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS)* dan *Programme for International Student Assessment (PISA)*. TIMSS mentaksir murid dalam Matematik dan Sains manakala PISA mentaksir Matematik, Sains dan Bacaan. Kedua-dua pentaksiran juga menguji Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) murid.

Walaupun terdapat kelompok sekolah cemerlang di Malaysia yang setanding dan berada di atas purata OECD (Ekshibit 3-6), Malaysia kekal berada dalam kelompok negara sepertiga terbawah dalam PISA 2012. Keadaan ini menunjukkan wujud isu-isu yang memberi kesan kepada kualiti sistem pendidikan negara. Di samping itu, walaupun Malaysia mencapai antara peningkatan tertinggi dalam Matematik berbanding negara-negara lain, prestasi murid menurun dalam Bacaan dan Sains. Secara purata, sekitar 50% murid tidak mencapai tahap penguasaan minimum dalam Matematik, Sains dan Bacaan, iaitu lebih rendah daripada purata OECD.

Keputusan PISA memberikan kesedaran kepada semua tentang perlunya melipatgandakan usaha bagi meningkatkan prestasi sistem pendidikan negara. Keputusan ini mengukuhkan lagi kepentingan melaksanakan PPPM sebagai cara untuk menangani cabaran sedia ada dan mengubah sistem pendidikan kita agar lebih memenuhi keperluan ekonomi global yang semakin kompetitif.

Ekshibit 3-5

**Pencapaian Malaysia dalam PISA 2009 dan 2012**


Keputusan PISA 2012 berbanding 2009, pencapaian Malaysia telah meningkat dalam Matematik, tetapi menurun dalam Bacaan dan Sains

	2009		2012		SKOR PURATA OECD 2012
	Kedudukan	Skor	Kedudukan	Skor	
<b>BACAAN</b> 	55	414	59 ↓ 4	398 ↓ 16	496
<b>MATEMATIK</b> $E=mc^2$	57	404	52 ↑ 5	421 ↑ 17	494
<b>SAINS</b> 	52	422	53 ↓ 1	420 ↓ 2	501

Sumber: PISA 2009+, PISA 2012

Ekshibit 3-6

**Dapatkan utama kajian PISA 2012**



Sumber: PISA 2012

## Kurikulum Dan Pentaksiran

Kementerian telah memulakan langkah untuk menyediakan kurikulum berdasarkan tanda aras antarabangsa serta memperkenalkan pentaksiran yang lebih holistik menerusi peperiksaan awam dan pentaksiran berasaskan sekolah bagi memastikan murid memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan untuk berjaya pada abad ke-21. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah:

- Penjajaran kurikulum dan pentaksiran Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik dengan standard antarabangsa; dan
- Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

### Penjajaran kurikulum dan pentaksiran Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik dengan standard antarabangsa

Kementerian telah menanda aras kurikulum serta kertas peperiksaan UPSR dan SPM bagi mata pelajaran kritikal, iaitu Bahasa Inggeris, Sains, Matematik, Biologi, Fizik, Kimia dan Matematik Tambahan. Langkah ini diambil untuk membolehkan Kementerian menerapkan amalan terbaik antarabangsa ketika menjalankan kajian semula Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan penggubalan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) menjelang tahun 2017. Singapura dan United Kingdom dipilih sebagai negara perbandingan tanda aras kerana mempunyai sistem pendidikan yang berasaskan sistem British serta mempunyai peperiksaan serata dengan tahap *O-Level* dan *A-Level*. Di samping itu, Singapura juga telah mencapai keputusan yang cemerlang dalam TIMSS dan PISA.

Kurikulum dan kertas peperiksaan bagi mata-mata pelajaran tersebut juga ditanda aras dengan kerangka kerja kurikulum TIMSS dan PISA.

Laporan penandaarasan oleh *Pearson International* (2013) antara lain mendapati bahawa:

- Dokumen kurikulum bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris, Sains, Matematik, Biologi, Fizik, Kimia dan Matematik Tambahan adalah progresif, inklusif serta bersesuaian dengan keperluan rakyat Malaysia pada abad ke-21;

- Standard kandungan mata pelajaran Sains dan Matematik secara umumnya adalah setanding dengan United Kingdom dan Singapura serta TIMSS dan PISA;
- Kurikulum Bahasa Inggeris kurang mencabar berbanding kurikulum di Singapura dan terutamanya dari segi pemahaman bacaan dan tatabahasa;
- Penerapan KBAT perlu lebih eksplisit dalam standard pembelajaran;
- Pemikiran konseptual tentang idea yang luas dalam Sains dan Matematik perlu diintegrasikan dalam kandungan kurikulum; dan
- UPSR dan SPM perlu memasukkan lebih banyak soalan yang menuntut keupayaan kognitif dan operasi kognitif yang lebih tinggi.

Mulai tahun 2014, KBAT dan kemahiran abad ke-21 akan dinyatakan secara eksplisit dalam kurikulum dan bahan pembelajaran yang akan disediakan oleh Kementerian. Tambahan pula, Kementerian akan menyediakan sokongan kepada guru melalui pembangunan profesional berterusan, khususnya dalam teknik terbaharu bagi menggalakkan pembelajaran aktif dalam kalangan murid.

### Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Pada abad ke-21, KBAT amat penting bagi kejayaan murid. KBAT didefinisikan sebagai keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi serta berupaya mencipta sesuatu.

Berdasarkan penandaarasan yang dijalankan, penekanan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kurikulum Sains dan Matematik adalah setara dengan Singapura, England, TIMSS dan PISA. Walau bagaimanapun, kemahiran berfikir aras tinggi kurang diberi penekanan dalam pentaksiran. Sebagai contoh, penandaarasan yang dilakukan oleh *Pearson International* (2013) mendapati bahawa 78% soalan Sains UPSR, 60% soalan Sains SPM dan 85 peratus soalan Matematik Tambahan SPM menggunakan kemahiran berfikir aras rendah atau aras sederhana.



Kemahiran berfikir aras tinggi akan diterapkan melalui tujuh elemen (Ekshibit 3-7)

Ekshibit 3-7

#### Elemen KBAT

<p><b>1</b> Kurikulum</p> <p>Menyediakan <b>penulisan KBAT secara eksplisit dalam KSSR dan KSSM dari Tahun 1 hingga Tingkatan 5</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Definisi KBAT;</li> <li>• Definisi aras pemikiran tinggi; dan</li> <li>• Menyediakan pemetan KSSM dengan mengeksplicitkan KBAT</li> </ul>	<p><b>4</b> Kokurikulum</p> <p>Menyediakan <b>panduan 1 Murid 1 Projek (1M1P)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Panduan pelaksanaan 1M1P telah dihantar ke semua sekolah menengah</li> <li>• Menyediakan konsep panduan 1M1P untuk sekolah rendah</li> </ul>
<p><b>2</b> Pedagogi</p> <p>Menggunakan <b>alat berfikir dan teknik menyoal aras tinggi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru menggunakan alat berfikir dan teknik menyoal di 500 buah sekolah di bawah program i-THINK</li> <li>• Guru Sains, Matematik dan Sejarah di sekolah menengah telah mula menggunakan KBAT dalam PdP</li> </ul>	<p><b>5</b> Sokongan Komuniti &amp; Sektor Swasta</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan kertas konsep Pusat Sehatian (<i>Onestop Center</i>)</li> </ul>
<p><b>3</b> Pentaksiran</p> <p><b>Buku manual pembinaan item KBAT siap diterbitkan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Seramai 1,800 panel pembangun item diberi latihan untuk membangunkan item/soalan KBAT</li> </ul>	<p><b>6</b> Bina Upaya</p> <p><b>Melatih guru dan SISC+ dalam KBAT:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 194 orang JU Sains (Tingkatan 1 dan 2)</li> <li>• 192 orang JU Matematik (Tingkatan 1 dan 2)</li> <li>• 6881 orang JU Sejarah (Tingkatan 5)</li> <li>• 407 orang SISC+</li> </ul>
	<p><b>7</b> Sumber</p> <p>Semua penerbit buku dan bahan visual telah diberi penerangan tentang mengadakan 20% aktiviti KBAT</p>

Elemen Utama

Sumber: *Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2013*

## Pelaksanaan konsep KBAT menerusi program i-THINK

i-THINK merupakan program untuk mempertingkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran bagi melahirkan murid yang berfikir kreatif, kritis dan inovatif. Program ini mula dilaksanakan pada tahun 2012 di 510 sekolah, termasuk 10 sekolah yang dipilih sebagai sekolah contoh (*showcase*). Program ini telah diperluas ke 548 sekolah pada tahun 2013. Pelbagai aktiviti diadakan seperti menggunakan Peta Pemikiran (*Thinking Maps*), mengadakan dialog kepimpinan kolaboratif dan melaksanakan usaha untuk mengupayakan kemahiran guru.



## Penandaarasan KBAT dalam kalangan murid melalui pentaksiran antarabangsa

Pada tahun 2013, Kementerian telah menganalisa kemahiran menyelesaikan masalah dalam kalangan murid dan keupayaan guru mengaplikasikan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran. Semua murid Tingkatan 1 dan 2 telah menduduki ujian khas Sains dan Matematik yang menggunakan soalan berunsur KBAT berasaskan format TIMSS dan PISA. Berdasarkan analisis item pencapaian murid dalam TIMSS dan PISA, Kementerian telah membangunkan sebanyak 30 modul intervensi bagi Sains dan 32 modul bagi Matematik. Setiap modul telah dirintis di dua sekolah bandar dan dua sekolah luar bandar. Modul intervensi yang ditambah baik akan digunakan di semua sekolah pada tahun 2014.

Guru Sains dan Matematik Tingkatan 1 telah diberi latihan intensif berunsur KBAT berdasarkan format TIMSS dan PISA. Kumpulan guru ini telah dilatih oleh 191 jurulatih utama Sains dan 195 jurulatih utama Matematik. Jurulatih ini telah dilatih oleh SEAMEO RECSAM (*South East Asian Ministers of Education Organization Regional Centre for Science and Mathematics*). Guru digalakkan melaksanakan pedagogi KBAT dan menggunakan soalan berdasarkan format TIMSS dan PISA semasa pengajaran dan pembelajaran.

## Melangkah ke hadapan

Pada tahun 2014, Kementerian akan menerap elemen KBAT dalam kurikulum, termasuk meningkat peratus soalan berunsur KBAT dalam UPSR dan SPM kepada 20% berbanding 10% pada tahun 2013. Semua guru akan terus dilatih untuk mengaplikasikan KBAT serta menggunakan i-THINK dalam pengajaran dan pembelajaran. Kementerian juga akan melaksanakan 1M1P (1Murid 1Projek) di semua sekolah, iaitu satu program yang memerlukan murid perlu menyelesaikan sesuatu isu yang dihadapi oleh sekolah atau komuniti mereka. Pelaksanaan program 1M1P juga akan melibatkan komuniti dan sektor swasta.

## Bahasa

Peningkatan penguasaan Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid menjadi keutamaan segera PPPM. Pencapaian bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia adalah tinggi dalam kalangan murid, dengan 71% murid mendapat sekurang-kurangnya gred kepujian dalam SPM 2013. Walau bagaimanapun, tahap pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris jauh lebih rendah dengan hanya 45% murid mendapat sekurang-kurangnya gred Kepujian dalam SPM 2013.

Inisiatif untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris tertumpu pada:

- Peluasan LINUS 2.0 merangkumi literasi bahasa Inggeris;
- Pengukuhan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris menerusi Program Kecekapan Lisan Bahasa Inggeris untuk Sekolah Menengah (*Oral Proficiency in English for Secondary Schools, OPS-English*);
- Sistem Set Bahasa Inggeris; dan
- Peningkatan Profisiensi Guru Bahasa Inggeris (*Professional Upskilling for English Language Teachers, ProELT*).

## Peluasan LINUS 2.0 untuk merangkumi literasi Bahasa Inggeris

Bagi memastikan semua murid sekolah rendah menguasai asas literasi bahasa Malaysia dan numerasi, Saringan Literasi dan Numerasi (LINUS) telah diwujudkan untuk mengenal pasti tahap penguasaan murid sepanjang tiga tahun pertama persekolahan. Sasarannya adalah pada akhir Tahun 3, 100% murid akan menguasai literasi Bahasa Malaysia dan numerasi. Mulai tahun 2013, inisiatif ini diperluas skopnya untuk meliputi literasi Bahasa Inggeris.

Ekshibit 3-8

## Penguasaan literasi dan numerasi murid pada tahun 2013

Peratus

	Tahun 1		Tahun 2		Tahun 3	
	Capai	Sasar	Capai	Sasar	Capai	Sasar
Literasi Bahasa Inggeris	63.3	67	-	83	-	100
Literasi Bahasa Malaysia	81.3	90	93.2	95	99.1	100
Numerasi	90.1	90	94.5	95	99.3	100

Sumber: NKRA, 2013


LINUS 2.0 dilaksanakan berdasarkan lapan strategi utama iaitu:

1. Melaksanakan saringan ke atas semua murid Tahap 1 sebanyak dua kali setahun bagi memastikan kemajuan murid mengikut kadar yang dijangka;
2. Menyediakan program pemulihan bagi murid yang belum menguasai literasi dan numerasi;
3. Menyediakan bahan pembelajaran untuk murid;
4. Menyediakan bahan pengajaran untuk guru;
5. Memberikan latihan pedagogi berkesan kepada guru;
6. Memantau, menyelia dan menilai pelaksanaan LINUS 2.0 di sekolah;
7. Meningkatkan kesedaran tentang pelaksanaan LINUS 2.0 di sekolah dalam kalangan ibu bapa; dan
8. Melantik Fasilitator LINUS (FasiLINUS iaitu satu FasiLINUS untuk 30 sekolah) di setiap PPD bagi membimbing guru dan membantu murid.

Pada tahun 2013, LINUS 2.0 telah menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan bagi murid Tahun 3, iaitu 99.1% murid menguasai literasi Bahasa Malaysia dan 99.3% menguasai numerasi (Ekshibit 3-8). Literasi Bahasa Inggeris Tahun 1 telah menunjukkan peningkatan yang ketara daripada saringan garis asas 50.1% kepada 63.3% dalam saringan 2. Walaupun terdapat peningkatan pencapaian yang ketara bagi literasi bahasa Inggeris, sasaran 100% yang ditetapkan pada akhir Tahun 3 masih jauh untuk dicapai. Sasaran ini memerlukan kadar peningkatan lebih 18% setahun dalam tempoh dua tahun akan datang. Kadar peningkatan ini jauh mengatasi kemajuan yang pernah diperoleh bagi literasi Bahasa Malaysia dan numerasi. Sasaran yang ditetapkan amat mencabar kerana terdapat sebilangan besar sekolah yang mempunyai ramai murid Tahun 1 yang tidak menguasai literasi Bahasa Inggeris (Ekshibit 3-9).

## Ekshibit 3-9

### Sekolah yang tidak menguasai garis asas literasi Bahasa Inggeris Bilangan dan peratus sekolah



Sumber: NKRA, 2013

Pada tahun 2014, Kementerian akan memastikan keselarasan antara LINUS 2.0 dengan kurikulum bagi memperkukuh pelaksanaan LINUS 2.0. Bagi meningkatkan literasi bahasa Malaysia dan numerasi, terdapat guru pemulihan yang akan membimbing murid yang belum menguasai kemahiran tersebut. Namun, bagi literasi bahasa Inggeris, program pemulihan akan dilaksanakan oleh guru mata pelajaran. Kementerian akan menyediakan modul dan latihan pedagogi pemulihan bahasa Inggeris, khususnya di sekolah yang memperoleh pencapaian rendah semasa saringan garis asas pada tahun 2013. Keutamaan pada peringkat awal diberikan kepada 18% (1,387) sekolah yang mempunyai 85% dan ke atas murid Tahun 1 yang tidak menguasai literasi Bahasa Inggeris dan paling memerlukan intervensi pemulihan serta sokongan terbeza bagi meningkatkan pencapaian.



Majlis Penarafan Standard dan Kualiti Bahasa Inggeris (MPSKBI) atau *English Language Standards and Quality Council* (ELSQC) adalah satu panel bebas terdiri daripada 7 pakar Bahasa Inggeris dari universiti dan badan-badan profesional, serta individu pengamal dan pakar dalam bidang pengajaran Bahasa Inggeris di Malaysia. MPSKBI membantu Kementerian dalam menentukan dasar Bahasa Inggeris dengan memberi saranan berkaitan standard

dan jaminan kualiti program Bahasa Inggeris, tertakluk kepada kelulusan Menteri Pendidikan.

Fungsi utama MPSKBI adalah untuk:

- menentukan dan mewujudkan standard bagi pembelajaran Bahasa Inggeris;
- menjalankan kajian pengesahan berkaitan dengan kandungan dan prestasi standard bagi pembelajaran Bahasa Inggeris; dan
- mewujudkan piawaian Bahasa Inggeris untuk murid daripada peringkat prasekolah ke Tingkatan Enam, Matrikulasi dan Institusi Pendidikan Guru.

Antara aktiviti utama yang dilaksanakan oleh ELSQC sejak Mei 2013 termasuk:

- Semakan semula modul guru dan murid untuk LINUS 2.0 (Bahasa Inggeris);
- Penganjuran *CEFR Symposium 2013: Towards Language Education Transformation in Malaysia* (Simposium CEFR 2013: Ke Arah Transformasi Pendidikan Bahasa di Malaysia); dan
- Pembangunan *Roadmap for English Language Education in Malaysia*.

*Roadmap for English Language Education in Malaysia* adalah hasil langsung daripada resolusi yang diusulkan semasa Simposium CEFR 2013. Resolusi ini mengesyorkan bahawa CEFR digunakan sebagai rangka kerja untuk memeta transformasi pendidikan Bahasa Inggeris di negara ini. Setelah selesai, dokumen ini akan memperincikan sasaran peningkatan tahap profisiensi Bahasa Inggeris yang perlu dicapai oleh murid pada tahap persekolahan yang berbeza. Ini adalah salah satu usaha Kementerian ke arah mencapai sasaran profisiensi Bahasa Inggeris yang digariskan dalam PPPM menjelang tahun 2015. Dokumen tersebut juga akan memastikan bahawa pelbagai aspek pendidikan Bahasa Inggeris - kurikulum, pengajaran dan pembelajaran, penilaian dan latihan guru - disepadukan dan saling dikaitkan bagi memastikan bahawa murid dapat mencapai profisiensi Bahasa Inggeris yang akan membolehkan Malaysia bersaing di peringkat global.



**Pengukuhan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris menerusi Sistem Set dan Program Kecekapan Lisan Bahasa Inggeris untuk Sekolah Menengah (Oral Proficiency in English for Secondary Schools, OPS-English)**

Kementerian berhasrat supaya semua sekolah menengah melaksanakan Sistem Set Bahasa Inggeris dan OPS-English untuk mengukuhkan penguasaan Bahasa Inggeris murid. Sistem Set mengelompokkan murid mengikut tahap profisiensi Bahasa Inggeris. Melalui pendekatan ini, guru dapat melaksanakan pengajaran terbeza dan pemulihan mengikut tahap profisiensi murid. Pada tahun 2013, semua 2007 sekolah menengah telah memulakan Sistem Set untuk murid Tingkatan 1 manakala sebanyak 581 sekolah menengah juga melaksanakan Sistem Set untuk Tingkatan 2. Kementerian telah menyediakan Panduan Pemantapan Pelaksanaan Sistem Set untuk Tingkatan 1 dan Surat Siaran Pemantapan Pelaksanaan Sistem Set Untuk Tingkatan 1, untuk tahun 2014 supaya sekolah dan PPD lebih memahami serta dapat melaksanakan inisiatif ini dengan mantap.

OPS-English bertujuan untuk meningkatkan kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris murid Tingkatan 1 dan 2, dengan tumpuan kepada kemahiran mendengar dan bertutur. Mulai tahun 2012, ia diperkenalkan secara berperingkat kepada sekolah Band 3 hingga 6. Pada tahun 2013, inisiatif ini diperluas daripada 20 sekolah kepada 216 sekolah yang melibatkan 56,000 murid berbanding 5,215 murid sebelumnya (Ekshibit 3-10).

Pada tahun 2014, Kementerian akan memperluas OPS-English kepada murid Tingkatan 3 di 1,191 sekolah yang mempunyai peratus lulus Bahasa Inggeris yang rendah, dengan tumpuan kepada aktiviti luar bilik darjah.

Ekshibit 3-10

**Peluasan Program OPS-English (Gelombang 1: 2013-2015)**

Tahun	Bil. Sekolah	Bil. Jurulatih Utama	Bil. Guru yang Dilatih	Bil. Murid (Tingkatan 1 & 2)
2012 (Rintis)	20	20	60	5,215
2013	216	36	684	56,000
2014	827	180	3,340	260,500
2015	682	180	4,774	341,000

Sumber: ELTC, 2013

Dapatan Kajian Keberkesanan OPS English 2013 yang dijalankan oleh UiTM menunjukkan:

- Murid lebih yakin untuk bertutur dalam Bahasa Inggeris;
- Kemahiran murid untuk mendengar dan memahami Bahasa Inggeris pertuturan meningkat; dan
- Murid dan guru lebih bertutur dalam Bahasa Inggeris berbanding sebelum pelaksanaan program OPS-English.


Dapatan ini menunjukkan bahawa pelaksanaan program OPS-English telah memberi hasil positif bagi murid dan guru. Justeru itu, Kementerian akan meluaskan program ini di lebih banyak sekolah.

**Peningkatan Profisiensi Guru Bahasa Inggeris (Professional Upskilling for English Language Teachers, ProELT)**

Kementerian telah menetapkan standard penguasaan bagi guru sekolah rendah dan menengah berdasarkan *Common European Framework of Reference (CEFR)*. Langkah ini dilaksanakan dengan menguji semua 61,000 guru Bahasa Inggeris, guru pelatih dan pensyarah Bahasa Inggeris di IPG. Hampir 65% daripada 24,075 guru opsyen Bahasa Inggeris yang diprofikan tidak mencapai tahap minima (Ekshibit 3-11). Bagi mengatasi cabaran ini, Kementerian telah menyediakan latihan *Professional Upskilling for English Language Teachers (ProELT)* untuk kumpulan guru tersebut. Kumpulan guru yang mengikuti program ProELT akan menduduki Ujian Aptis (satu instrumen pengukuran tahap penguasaan Bahasa Inggeris) pada permulaan dan akhir latihan bagi menilai tahap peningkatan penguasaan guru.

Ekshibit 3-11

**Penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan guru opsyen pada tahun 2012 Peratus, bilangan**




Sumber: ELTC, 2013

ProELT menggunakan model latihan bersepadu yang menggabungkan komponen bersemuka dan komponen dalam talian. Bahan latihan dan sumber yang digunakan adalah mengikut tahap profisiensi guru. Kohort 1 seramai 5,010 guru opsyen Bahasa Inggeris telah mengikuti ProELT dari November 2012 hingga Disember 2013. Sasarannya ialah 100% guru kohort ini dapat meningkat satu tahap profisiensi.

Ujian Aptis pada akhir latihan menunjukkan keputusan yang menggalakkan dengan pencapaian 76.4% guru meningkat sekurang-kurangnya satu tahap profisiensi. Peratus guru yang telah meningkat daripada tahap B1 ke B2 ialah 90.8% manakala guru yang meningkat daripada tahap B2 ke C1 ialah 42.1%. Terdapat juga 10.8% guru yang telah meningkat dua tahap penguasaan (Ekshibit 3-12).

Ekshibit 3-12

**Peningkatan profisiensi Bahasa Inggeris dalam kalangan guru opsyen Peratus guru**



Sumber: ELTC, 2014

Kajian keberkesanan terhadap program ini yang dijalankan dari November 2012 hingga Disember 2013 oleh universiti tempatan, Institut Pendidikan Guru (IPG) dan ELTC menunjukkan bahawa terdapat peningkatan dalam tiga aspek berikut:

- Profisiensi Guru: Penggunaan tatabahasa yang betul, arahan lebih jelas dan yakin, serta sebutan lebih jelas dan lancar;
- Pedagogi Guru: Murid menunjukkan minat dan memberikan tumpuan kepada pelajaran yang membolehkan guru menggunakan pelbagai teknik pengajaran dan pembelajaran; dan
- Pencapaian Murid: Murid lebih banyak menggunakan Bahasa Inggeris untuk berkomunikasi dalam kelas dan lebih berminat menyertai aktiviti bahasa.

Hasil pelaksanaan Kohort 1 akan digunakan untuk memperbaiki pelaksanaan program ProELT seterusnya. Pada tahun 2014, Kementerian akan melaksanakan program ProELT untuk Kohort 2 seramai 9,000 guru, diikuti dengan Kohort 3 seramai 10,000 guru.

### Melangkah ke hadapan

Kementerian akan meneruskan usaha dalam meningkatkan penguasaan literasi dan numerasi dalam kalangan murid kerana kejayaan murid dalam sistem pendidikan bermula dengan asas pembelajaran yang kukuh. Kementerian juga akan terus menilai dan meningkatkan kemahiran guru dalam Bahasa Inggeris dan menyediakan latihan pedagogi pemulihan kepada guru di sekolah berprestasi rendah dalam penguasaan Bahasa Inggeris.

## Pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM)

Penekanan dalam asas kemahiran STEM di alam persekolahan adalah penting dalam menggalakkan murid untuk menceburi bidang ini pada peringkat pengajian tinggi dan alam pekerjaan. Kementerian telah meletakkan sasaran pelibatan murid dalam bidang STEM pada 60%. Namun begitu, sasaran ini adalah jauh lebih tinggi daripada peratus murid yang mengikuti bidang STEM. Enrolmen Tingkatan 5 pada tahun 2013 menunjukkan bahawa hanya 35% murid sahaja berada dalam aliran ini (29.2% dalam aliran Sains Tulen, 1.3% dalam aliran Teknikal dan 4.5% dalam aliran Vokasional).

Pada tahun 2013, Kementerian menggariskan pelan tindakan pengukuhan STEM. Antara usaha untuk meningkatkan penyertaan murid dalam bidang STEM adalah seperti berikut:

- Memantapkan kurikulum STEM berdasarkan standard antarabangsa;
- Mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran guru STEM;
- Meningkatkan kesedaran orang awam dan murid terhadap STEM; dan
- Menyediakan sokongan dan menggalakkan murid menengah atas mengikuti aliran STEM.

## Guru

Dalam Gelombang 1 PPPM, Kementerian akan meningkatkan kualiti guru dengan memberikan tumpuan kepada usaha memartabatkan profesion keguruan sebagai profesion pilihan menerusi inisiatif Piagam Guru.

Piagam Guru bertujuan untuk meningkatkan standard profesional guru dan menambah baik sistem sokongan sedia ada. Aktiviti utamanya adalah:

- Menghasilkan Instrumen Penilaian Bersepadu (*Unified Instrument, UI*);
- Menghasilkan Pelan Induk Pembangunan Profesional Berterusan (PIPPB); dan
- Memperkemas laluan kerjaya guru.

## Menghasilkan Instrumen Penilaian Bersepadu (*Unified Instrument, UI*)

Pada tahun 2013, Kementerian menyasarkan untuk membangunkan Instrumen Penilaian Bersepadu (UI) bagi menilai kompetensi dan prestasi pegawai perkhidmatan pendidikan mengikut standard yang ditetapkan. UI ialah satu instrumen penilaian yang sedang dibangunkan untuk menggantikan beberapa instrumen penilaian sedia ada yang digunakan (Ekshibit 3-13) untuk menilai prestasi guru dan pegawai di bawah Skim Perkhidmatan Pendidikan. UI untuk guru dan pemimpin sekolah telah selesai dirangka dan kini pada peringkat prapelaksanaan. Sebanyak 101,535 (25%) guru dan pemimpin sekolah telah dinilai menggunakan UI pada tahun 2013.

Ekshibit 3-13

### Instrumen Penilaian Bersepadu (UI)

LNPT	SKPM	Guru Cemerlang	PROSPEK	Kriteria Kecemerlangan
<p><b>1 Instrumen bersepadu untuk pentaksiran guru berasaskan kompetensi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Berasaskan kompetensi bersesuaian dengan tangga kerjaya guru</li> <li>✓ Proses yang jelas bagi menilai pencapaian tahunan guru</li> <li>✓ Empat dimensi kompetensi yang menjurus kepada pengajaran dan pembelajaran</li> <li>✓ Mengambil kira keberhasilan murid yang diajar di dalam kelas dan di sekolah</li> <li>✓ Penilaian yang objektif dengan penggunaan lebih daripada seorang penilai dan pewujudan proses rayuan</li> </ul>				

Nota : LNPT - Laporan Penilaian Prestasi Tahunan) , SKPM - Standard Kualiti Pendidikan Malaysia, PROSPEK - Program Bersepadu Pembangunan Kompetensi

Sumber: Bahagian Penilaian dan Pembangunan Kompetensi, 2013

## Menghasilkan Pelan Induk Pembangunan Profesional Berterusan

Bagi mentransformasikan pembangunan profesional keguruan, Kementerian menyediakan Pelan Induk Pembangunan Profesional Berterusan (PIPPB) supaya pegawai perkhidmatan pendidikan lebih bertanggungjawab terhadap pembangunan profesional sendiri. Pada tahun 2013, sebanyak 13,964 guru Gred 41 dan 44 telah menghadiri Kursus Pembangunan Kompetensi. Kursus ini telah memantapkan lagi kemahiran guru dalam pedagogi dan pengurusan, sekaligus meningkatkan prestasi mereka dalam bilik darjah.

### Program Transformasi Daerah (DTP)

DTP dirintis di Kedah dan Sabah pada tahun 2013. Pegawai SISC+ bagi tiga mata pelajaran utama – Bahasa Malaysia, Matematik dan Bahasa Inggeris. Tugas utama SISC+ ialah memberi sokongan dan bimbingan secara langsung kepada guru untuk meningkatkan kemahiran pedagogi dan penyampaian pembelajaran dan pengajaran, terutama di sekolah berprestasi rendah. Baca lebih lanjut mengenai program ini dalam Bab 4 - muka surat 73.

### Memperkemas laluan kerjaya guru

Laluan kerjaya guru diperkemas selaras dengan hasrat penstrukturan semula Kementerian dan penyediaan pelan penggantian Kementerian. Bagi penyediaan konsep laluan kerjaya baharu, penandaarasan dilakukan dengan negara Jepun, Jerman dan United Kingdom. Antara dapatannya ialah negara tersebut melaksanakan kenaikan pangkat berdasarkan prestasi dan memperkenalkan pelesenan kepada guru bagi mengekalkan kualiti guru secara berterusan.

Pada tahun 2014, UI untuk kumpulan pengurusan dan kumpulan pakar bidang akan dibangunkan sepenuhnya. Latihan akan dijalankan secara berterusan untuk semua penilai yang dilantik. Pelan Induk Program Pembangunan Profesional Berterusan akan diedarkan sebagai panduan umum bagi membolehkan pegawai perkhidmatan pendidikan membangunkan kompetensi dan potensi diri ke arah peningkatan kerjaya serta kecemerlangan dalam pemberian perkhidmatan.



### Transformasi IPG

Institut Pendidikan Guru (IPG) bertanggungjawab melatih bakal guru sekolah rendah. IPG mempunyai 27 kampus yang diurus secara berasingan dan menawarkan program ijazah perguruan. Dalam tempoh lima hingga sepuluh tahun yang akan datang, IPG berhasrat untuk menjadi universiti latihan perguruan bertaraf dunia. Sebagai permulaan, pada tahun 2013, IPG telah memulakan pengambilan guru pelatih dalam kalangan 30% murid terbaik SPM dalam usaha memperkukuh saluran pengambilan guru pelatih. Sebanyak 42%ambilan guru pelatih terdiri daripada pelajar dalam kelompok 30% lulusan terbaik SPM dengan pencapaian sekurang-kurangnya 7A dan 70% mempunyai sekurang-kurangnya 5A, berbanding 9% yang mempunyai sekurang-kurangnya 7A pada tahun 2012. Langkah ini merupakan petanda baik ke arah amalan sistem berprestasi tinggi seperti Finland, Singapura dan Korea Selatan yang membenarkan hanya pelajar dalam kelompok 10% hingga 30% teratas menyertai profesion keguruan.

### Melangkah ke hadapan

Memperkukuh saluran pengambilan guru pelatih merupakan salah satu daripada tujuh pembaharuan untuk meningkatkan kualiti pendidikan guru di Malaysia. Melangkah ke hadapan, Kementerian akan meneruskan usaha dalam enam pembaharuan yang lain, iaitu; memantapkan kurikulum IPG, meningkatkan kualiti kepimpinan IPG, meningkatkan kualiti pensyarah, menaik taraf infrastruktur IPG, meningkatkan aktiviti penyelidikan dan inovasi serta meningkatkan profil IPG.

### Pemimpin Sekolah

Pemimpin sekolah yang berprestasi tinggi dan komited mampu membawa perubahan dan meningkatkan keberhasilan murid serta prestasi sekolah. Kementerian akan memastikan setiap sekolah mempunyai pengetua atau guru besar dan pasukan pemimpin sekolah yang berkualiti tinggi bagi menyediakan kepimpinan pendidikan serta memacu prestasi sekolah. Pada tahun 2013, Kementerian telah memperkenalkan Piagam Pemimpin Sekolah bagi memperkukuh kaedah pemilihan dan latihan pengetua dan guru besar. Antara aktiviti utama adalah:

- Menetapkan syarat baharu bagi pemilihan dan proses perancangan penggantian;
- Menetapkan Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL) sebagai syarat wajib pemilihan pemimpin sekolah;
- Menawarkan Program Residensi dan Immersion (PRIme) untuk calon pengetua dan guru besar; dan
- Menyediakan pembangunan profesional berterusan terbeza (*differentiated*) untuk pemimpin sekolah berdasarkan kompetensi dan prestasi.




### Menetapkan syarat baharu bagi pemilihan dan proses perancangan penggantian

Piagam Pemimpin Sekolah berhasrat untuk memperkukuh syarat pemilihan dan proses perancangan penggantian bagi pengetua dan guru besar. Syarat Baharu Pemilihan Pengetua dan Guru Besar ditetapkan dan diluluskan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Pegawai Perkhidmatan Pelajaran (LKPPP) pada 8 Oktober 2013 dan akan digunakan sepenuhnya untukambilan Julai 2014. Modul Penggantian Pemimpin Sekolah (MPPS) telah dibangunkan dalam sistem e-Pangkat bagi memberikan maklumat awal tentang kekosongan jawatan pengetua dan guru besar dalam tempoh enam bulan sebelum jawatan tersebut dikosongkan kerana persaraan (Ekshibit 3-14). Menerusi modul ini, individu yang berminat dan memenuhi syarat boleh memohon jawatan Pengetua dan Guru Besar. Pemohon yang layak perlu melalui proses temuduga yang akan dikendalikan oleh JPN dan PPD.

Ekshibit 3-14

#### Syarat baharu untuk pemilihan pengetua dan guru besar

Sistem baharu ini akan diterima guna untuk pelantikan kumpulan pengetua dan guru besar baharu mulai bulan Julai 2014




\* LNPT (Laporan Penilaian Prestasi Tahunan) akan digunakan sehingga tahun 2014 dan bakal digantikan dengan Instrumen Bersepadu menjelang tahun 2015  
 \*\* NPQEL – Kelayakan Profesional Kebangsaan bagi Kepimpinan Pendidikan, NPQH-Kelayakan Profesional Kepengetuaan Kebangsaan  
 NPQH – National Professional Qualification for Headship  
 \*\*\* PPPLD – Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma

Sumber: NKRA, 2014

Ekshibit 3-15

#### Unjuran pemimpin sekolah yang akan bersara wajib pada 2014



Sumber: Institut Aminudin Baki, 2013

### Menetapkan Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL) sebagai syarat wajib pemilihan pemimpin sekolah

Pada tahun 2013, seramai 3,423 guru dan 464 pegawai di KPM, JPN serta PPD memohon untuk mengikuti program NPQEL. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,007 guru layak mengikutinya, melebihi sasaran 1,000 guru. Latihan NPQEL dijalankan di Institut Aminuddin Baki di Genting Highlands, Jitra, Kota Kinabalu dan Kuching.

Pada tahun 2014, Kementerian akan menyediakan pangkalan data dan memetakan profil lulusan NPQEL mengikut negeri dan daerah bagi menyediakan pelan pelapis pemimpin sekolah yang berprestasi tinggi dan memenuhi syarat yang ditetapkan. NPQEL Khas akan disediakan bagi 403 calon pengetua dan guru besar yang layak dilantik pada tahun 2014 tetapi tidak mempunyai kelayakan NPQEL.



**NPOEL adalah satu pra syarat yang sesuai bagi seseorang yang ingin menjadi seorang pengetua atau guru besar kerana kursus NPOEL menyediakan mereka dengan ilmu pengurusan dan kepimpinan yang sememangnya amat berguna apabila mereka menjawat jawatan tersebut.**

Pn. Zainun Bt Ahmad – Ketua Sektor Jaminan Kualiti, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

### Menawarkan Program Residensi dan Immersion (PRIme) untuk calon pengetua dan guru besar

Semua calon pengetua dan guru besar yang dilantik di bawah syarat baharu ini perlu mengikuti Program Residensi selama satu bulan sebelum mengambil alih tugas pengetua dan guru besar. Mereka juga akan melalui Program *Immersion* bersama dengan pengetua pembimbing (*principal coach*) selama tujuh hari (42 jam dalam tempoh enam bulan pertama) apabila mula memangku jawatan pengetua dan guru besar.

Pada tahun 2013, seramai 194 Pengetua Cemerlang dan Guru Besar Cemerlang telah dilantik sebagai pembimbing. Mereka diberi latihan untuk membimbing pengetua dan guru besar yang baru dilantik dalam amalan terbaik pengurusan dan pentabiran sekolah. Ujian rintis PRIme telah dijalankan terhadap 200 calon dan program rintis kursus praresidensi pula dijalankan terhadap 87 calon. PRIme akan bermula pada Januari 2014.

### Menyediakan pembangunan profesional berterusan terbeza (*differentiated*) untuk pemimpin sekolah berdasarkan kompetensi dan prestasi

Piagam Pemimpin Sekolah juga menitikberatkan pembangunan profesional pemimpin sekolah. Modul pembangunan profesional berterusan terbeza (*differentiated CPD*) telah dibangunkan untuk pemimpin yang pelbagai prestasinya. Modul ini akan membantu mereka meningkatkan potensi diri dalam usaha meningkatkan prestasi sekolah. Pada tahun 2013, lapan modul baharu dirintis dengan melibatkan 104 pengetua dan guru besar. Modul ini akan dilaksanakan kepada semua pengetua dan guru besar mulai tahun 2014.

Di samping itu, pemimpin berprestasi tinggi yang terpilih telah diberi peluang mengikuti program sandaran industri bagi mendapatkan pendedahan amalan terbaik di sektor korporat supaya dapat dipelajari dan disesuaikan untuk diamalkan di sekolah. Seramai 30 pemimpin sekolah mengikuti program sandaran di Telekom Malaysia pada tahun 2013, dan program ini akan diperluas dengan melibatkan lebih banyak badan korporat pada tahun 2014.

### Melangkah ke hadapan

Kepimpinan sekolah yang mantap adalah penting untuk memacu transformasi di sekolah. Pada tahun 2014, Kementerian akan melaksanakan syarat baharu bagi pelantikan pemimpin sekolah. Peningkatan kemahiran calon yang sesuai akan diteruskan melalui peluasan program NPOEL, program PRIme serta program pembangunan profesional yang berterusan.

### Pelibatan Ibu Bapa, Komuniti Dan Sektor Swasta

Kementerian telah mengenal pasti dua inisiatif utama dalam usaha meningkatkan pelibatan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta sebagai rakan dalam penyampaian pendidikan berkualiti secara bersepadu, berkesan dan cekap. Inisiatif utama yang dilaksanakan termasuklah:

- Meningkatkan pelibatan ibu bapa dan komuniti di sekolah; dan
- Meningkatkan pelibatan sektor swasta dalam pendidikan seperti *Teach for Malaysia* dan Sekolah Amanah.

### Meningkatkan pelibatan ibu bapa dan komuniti di sekolah

Pembelajaran berlaku di sekolah dan boleh berlaku di luar lingkungan sekolah termasuk di rumah dan dalam komuniti. Kementerian berhasrat untuk memastikan ibu bapa dan komuniti terlibat sebagai rakan dalam peningkatan prestasi pendidikan. Kementerian telah mengambil langkah untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan ibu bapa dan komuniti tentang peranan mereka dalam pendidikan anak-anak menerusi pelaksanaan Sarana Ibu Bapa (Ekshibit 3-16).

Kementerian juga membimbing sekolah menerusi pelaksanaan Sarana Sekolah untuk menyediakan persekitaran yang kondusif bagi membina jalinan hubungan kerja antara sekolah dengan ibu bapa, komuniti dan

sektor swasta. Bagi membina pemahaman di kalangan guru, latihan berkaitan program pelibatan ibu bapa telah disediakan untuk lebih 332,000 (80.2%) guru di 8,753 sekolah. Program ini juga melibatkan lebih 2.2 juta ibu bapa di 9,023 sekolah. Satu sistem kutipan data dalam talian bagi pelibatan ibu bapa telah dilancarkan pada tahun 2013. Sistem ini mengumpul data kehadiran ibu bapa dalam aktiviti sekolah dan data daripada kajian tinjauan mengenai pelibatan ibu bapa.

Kementerian juga melibatkan agensi kerajaan seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Kementerian Kesihatan, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) bagi membina pelibatan komuniti untuk membantu pembentukan sahsiah murid.

Ekshibit 3-16

### Elemen dalam sarana ibu bapa

Suasana Pembelajaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sediakan ruang untuk belajar</li> <li>• Pastikan anak ada jadual belajar</li> <li>• Kurangkan gangguan radio/TV semasa anak belajar</li> <li>• Pastikan tempat belajar anak sentiasa kemas dan bersih</li> <li>• Anak-anak mempunyai buku-buku rujukan yang cukup</li> </ul>
Interaksi Sosial dengan anak	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bercerita/berbual dengan anak</li> <li>• Makan bersama anak</li> <li>• Lakukan aktiviti bersama anak</li> <li>• Ambil tahu pergerakan anak</li> <li>• Beri didikan agama</li> </ul>
Komunikasi dengan anak	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bincang mengenai kemajuan pelajaran</li> <li>• Dengar anak bercerita tentang peristiwa di sekolah</li> <li>• Ambil tahu tentang kerja rumah</li> <li>• Ambil tahu tentang perancangan aktiviti anak</li> <li>• Bertukar-tukar fikiran dengan anak</li> </ul>
Sokongan terhadap kecemerlangan anak	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Beri pujian dan rangsangan kepada anak</li> <li>• Beri dorongan/motivasi kepada anak</li> <li>• Lakukan aktiviti membaca bersama anak</li> <li>• Membimbing anak menyiapkan kerja rumah</li> <li>• Sediakan bimbingan/tuisyen kepada anak</li> </ul>

Sumber: Sarana Ibu Bapa, 2013



### Kejayaan Pelibatan Ibu Bapa di sekolah - SK (L) Jalan Batu

*Semenjak Sarana Ibu Bapa dan Sekolah diperkenalkan pada tahun 2013, saya menggunakan waktu terluang untuk bersama-sama PIBG dan pentadbiran sekolah membincangkan "bagaimana saya boleh membantu sekolah". Memandangkan saya memiliki kemahiran bertukang dan kerja-kerja pendawaian, saya mendapatkan senarai dan maklumat mengenai kerosakan kemudahan sekolah dari pihak pentadbiran dan berpakat bersama bapa bapa murid yang lain membantu menguruskan sekolah untuk membaiki dan membersihkan tandas serta kolam ikan, membaiki pendawaian di kantin sekolah dan juga membaiki penghawa dingin di pejabat sekolah dan selain itu saya dan ibu bapa yang lain iaitu KSIB (Kumpulan Sokongan Ibu Bapa) turut menguruskan Taman Botani bersama-sama, bergotong royong dan mengecat sekolah bersama dengan rakan komuniti dan sektor swasta.*

Rizal Hussin, Juruvideo Profesional, Bapa

### Teach for Malaysia (TFM)

Teach for Malaysia merupakan inisiatif pembangunan modal insan yang telah dilancarkan pada 24 Disember 2010 secara kerjasama antara Kementerian dengan Yayasan Teach For Malaysia (TFM). Felo TFM terdiri daripada siswazah baharu dan profesional muda dari pelbagai latar belakang yang berkhidmat selama dua tahun sebagai guru. Alumni TFM diharap terus menyumbang kepada penambahbaikan pendidikan negara. Sejak dimulakan, TFM telah menempatkan 140 Felo di 49 sekolah berkeperluan tinggi di tujuh negeri.



### Sumbangan Felo TFM

#### Peningkatan pencapaian murid

Felo TFM proaktif dalam meningkatkan pencapaian murid di dalam dan di luar kelas, termasuk mengadakan kelas tambahan percuma, menggunakan teknik pengajaran dan pembelajaran yang kreatif dan inovatif bagi menarik minat murid, serta mendapatkan khidmat sukarelawan untuk membantu murid lemah.

#### Membuka peluang pembangunan diri murid

Felo TFM mewujudkan pelbagai inisiatif khas di sekolah yang mendedahkan murid kepada pelbagai peluang untuk berjaya dalam hidup, termasuk mengadakan program menghubungkan murid dengan model peranan bagi meningkatkan aspirasi dan program pembangunan watak dan jati diri, serta pendedahan kepada pelbagai laluan ke menara gading dan kerjaya yang ingin diceburi.

#### Mengadakan kerjasama strategik

Felo TFM memulakan kerjasama dan inisiatif perkongsian pengetahuan antara diri mereka dengan pihak lain. Ini termasuk perkongsian teknik pengajaran dan pembelajaran dengan PPD dan SISC+, memberikan latihan dan membangunkan panduan untuk guru baharu, serta mewujudkan kerjasama dengan komuniti tempatan dalam meningkatkan prestasi murid.

### Sekolah Amanah

Sekolah Amanah atau *Trust School* merupakan suatu usaha kerjasama awam-swasta untuk meningkatkan prestasi sekolah. Satu daripada konsep Sekolah Amanah dilaksanakan menerusi kerjasama antara Kementerian dengan Yayasan AMIR di 10 sekolah di Johor dan Sarawak pada tahun 2011. Sekolah Amanah Yayasan AMIR telah diperluas kepada tiga sekolah rendah di Kuala Lumpur pada tahun 2013. Sekolah Amanah Yayasan AMIR akan ditambah sebanyak 17 sekolah lagi di Johor, Kuala Lumpur dan Selangor pada tahun 2014, menjadikannya sebanyak 30 buah kesemuanya.



*Pelaksanaan Sekolah Amanah sejak tahun 2011 secara keseluruhannya telah membawa perubahan yang positif. Dari segi infrastruktur, penyediaan Bilik Darjah Berasaskan Mata Pelajaran disesuaikan dengan keadaan dan situasi di sekolah. Dengan bimbingan berterusan kepada guru, mereka lebih yakin dan bersedia untuk mengaplikasikan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dapat mengoptimumkan potensi murid. Kaedah 'cooperative learning' atau pembelajaran menerusi kerjasama dapat meningkatkan keyakinan murid serta memupuk minat belajar kerana aktiviti pengajaran dan pembelajaran dijalankan bersama-sama dan murid boleh membuat pentaksiran antara satu sama lain. Kaedah ini selaras dengan konsep Pentaksiran Berasaskan Sekolah, dan secara tidak langsung murid akan lebih berdikari dan bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka. Selepas tahun 2011, sekolah ini secara konsisten mencatatkan kehadiran murid lebih daripada 90%.*

Encik Samion Kassim, Pengetua SMK Semenchu, Kota Tinggi, Johor


### Melangkah ke hadapan

Kementerian akan terus memberi penekanan terhadap peranan ibu bapa, masyarakat dan sektor swasta dalam peningkatan kualiti pendidikan. Pada tahun 2014, Konvensyen Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Kebangsaan akan diadakan untuk berkongsi amalan terbaik pelibatan ibu bapa dalam kalangan sekolah yang mempunyai PIBG cemerlang. Anugerah PIBG tahunan juga akan diteruskan bagi memberikan pengiktirafan kepada PIBG yang aktif menyumbang kepada keberhasilan murid. Selain itu, sistem pengumpulan data pelibatan ibu bapa dalam talian akan dimantapkan.

Kementerian akan terus bekerjasama dengan sekolah, PPD dan JPN untuk mengembangkan program pelibatan ibu bapa. Kementerian juga akan terus bekerjasama dengan sektor swasta untuk membangunkan program pendidikan yang menyokong aspirasi sistem pendidikan negara.



Kementerian telah memulakan suatu perjalanan yang penting untuk mencorak pendidikan negara ke arah peningkatan kualiti secara berterusan. Aspirasi untuk menjadi antara sistem pendidikan sepertiga terbaik dunia dalam penilaian antarabangsa hanya dapat dicapai dengan sokongan padu dan dedikasi tanpa jemu pihak berkepentingan pada semua peringkat. Kementerian beriltizam untuk terus meraih komitmen tinggi daripada para guru, pemimpin sekolah, pegawai Kementerian, ibu bapa dan pihak luar yang berkepentingan dalam usaha untuk meningkatkan literasi asas, memantapkan lagi penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi, meningkatkan kualiti keguruan, meningkatkan prestasi sekolah, mengukuhkan kepimpinan Kementerian serta meningkatkan permuafakatan dengan ibu bapa, masyarakat dan sektor swasta.



BAB

04

EKUITI DALAM PENDIDIKAN

Sistem pendidikan berprestasi tinggi menyediakan pendidikan terbaik kepada setiap kanak-kanak, tanpa mengira kedudukan geografi, gender atau latar belakang sosioekonomi. Kementerian berhasrat untuk merapatkan lagi jurang pencapaian antara murid bandar dengan murid luar bandar, tahap sosioekonomi dan pencapaian antara gender sehingga 50% menjelang tahun 2020.

**SOROTAN UTAMA**

**Kedah dan Sabah, negeri rintis bagi Program Transformasi Daerah (DTP) mencapai keputusan UPSR, PMR and SPM terbaik dalam tempoh 10 tahun**

**3 Sekolah**  
Model Komprehensif (K9) baharu - SK Betau di Kuala Lipis, Pahang; SK RPS Kemar dan SK RPS Banun di Gerik, Perak.

**9.6%** murid berkeperluan khas mengikuti Program Pendidikan Inklusif (PPI) di 1,742 sekolah

Kementerian bertanggungjawab untuk memberikan peluang pendidikan yang saksama kepada semua murid. Sesungguhnya suatu sistem pendidikan tidak dianggap cemerlang melainkan ia dapat memberikan pendidikan yang terbaik kepada semua murid tanpa mengira latar belakang sosioekonomi, keupayaan dan keperluan murid. Oleh itu, terdapat perkaitan yang ketara antara kualiti pendidikan dan ekuiti dalam pendidikan. Justeru itu, adalah amat penting bahawa Kementerian memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan pencapaian murid dan sekolah berprestasi rendah.



Dalam Gelombang 1, Kementerian memberikan tumpuan kepada usaha merapatkan jurang pencapaian antara sekolah bandar dan luar bandar. Pada tahun 2013, jurang pencapaian gred purata sekolah (GPS) pada peringkat SPM antara bandar dan luar bandar telah mengecil daripada 8.0% pada tahun 2011 kepada 6.7% pada tahun 2013, manakala jurang pencapaian GPS UPSR kekal pada 4.75% bersamaan dengan pencapaian pada tahun 2012.

Bagi tahun 2013, Kementerian membina asas bagi mengurangkan jurang pencapaian antara sekolah bandar dan luar bandar dan mengatasi cabaran yang dihadapi oleh kumpulan murid berkeperluan khusus. Tiga inisiatif utama untuk meningkatkan ekuiti dalam pendidikan adalah:

- Program Tranformasi Daerah (DTP);
- Pelan Transformasi Pendidikan Orang Asli; dan
- Program Pendidikan Inklusif untuk kumpulan Murid Berkeperluan Khas (MBK).

Ekshibit 4-1

**Perbandingan jurang antara sekolah bandar dengan luar bandar dalam UPSR dan SPM**




Sumber: Lembaga Peperiksaan, 2014

**Program Transformasi Daerah**

Kementerian berhasrat untuk mempercepat peningkatan prestasi sekolah dengan mengukuhkan keupayaan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) menerusi Program Transformasi Daerah atau *District Transformation Programme* (DTP) supaya lebih berkemampuan untuk membantu sekolah. Melalui program ini, PPD diberi lebih autonomi dalam membuat keputusan dengan sokongan Kementerian dari aspek sumber dan pembangunan kapasiti. PPD juga mempunyai lebih tanggungjawab dan akauntabiliti untuk mencapai sasaran yang ditetapkan (Ekshibit 4-2). Program ini dijalankan secara berfasa, seperti yang ditunjukkan dalam (Ekshibit 4-3).

Ekshibit 4-2

**Program Transformasi Dearah**



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, 2013

**SISC+ (Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah)**

SISC+ adalah pegawai perkhidmatan pendidikan yang ditempatkan di PPD, dipilih dalam kalangan guru berprestasi tinggi, guru kanan dan Guru Cemerlang yang berpengalaman. SISC+ mempunyai kepakaran dalam salah satu daripada tiga mata pelajaran utama iaitu Matematik, Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris. Mereka melatih dan membimbing guru di sekolah. SISC+ juga bekerjasama dengan guru untuk meningkatkan kemahiran pedagogi, dan menyediakan pelan intervensi dan program pemulihan untuk murid.

**SIPartner+ (Rakan Peningkatan Sekolah)**

SIPartner+ adalah pegawai perkhidmatan pendidikan yang ditempatkan di PPD, dipilih dari pengetua kanan atau penolong kanan berprestasi tinggi dengan pengalaman pengurusan yang cemerlang di sekolah. SIPartner+ melatih dan membimbing pemimpin sekolah dalam hal pengurusan dan kepimpinan, serta membantu merangka program intervensi khusus untuk sekolah. SIPartner+ juga bertanggungjawab mewujudkan komuniti pembelajaran profesional di sekolah dan daerah.

Ekshibit 4-3

**Pelaksanaan DTP**



DTP telah dirintis di Kedah dan Sabah kerana cabaran besar yang dihadapi di kedua-dua negeri tersebut dalam meningkatkan prestasi pencapaian sekolah. Jawatan Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (*School Improvement Specialist Coach, SISC+*) dan Rakan Peningkatan Sekolah (*School Improvement Partner, SIPartner+*) telah diwujudkan di PPD untuk membimbing guru dan pemimpin sekolah meningkatkan prestasi sekolah, khususnya bagi sekolah berprestasi rendah.

Pelaksanaan DTP rintis menunjukkan impak positif terhadap pencapaian murid di Kedah dan Sabah dalam UPSR, PMR dan SPM pada tahun 2013. Contohnya, dalam UPSR 2013, Kedah dan Sabah menunjukkan peningkatan tertinggi berbanding negeri lain (Ekshibit 4-4). Pencapaian ini adalah yang terbaik bagi Kedah dan Sabah dalam tempoh 10 tahun (Ekshibit 4-5), dan jurang pencapaian antara bandar dan luar bandar juga mengecil (Ekshibit 4-6).

Daerah di Kedah dan Sabah berjaya meningkatkan prestasi sekolah dalam pencapaian UPSR 2013. Sebanyak tujuh daripada lapan PPD di Kedah dan 21 daripada 24 PPD di Sabah menunjukkan peningkatan prestasi. Kedah dan Sabah juga menunjukkan peningkatan dalam bilangan sekolah Band 1 dan Band 2, sementara bilangan sekolah Band 6 dan Band 7 telah berkurang (Ekshibit 4-7).

**Poskad kepada anak-anak – Harapan SISC+**

Semasa sesi kursus bagi SISC+ baharu di Kedah dan Sabah, pegawai telah diminta menulis harapan mereka sebagai SISC+ kepada anak-anak mereka dalam poskad.

**Kepada anakku,**

Emak sedang menjalani program SISC+ untuk menjadi jurulatih sepenuh masa, dengan harapan bahawa kamu akan menerima pendidikan yang terbaik dalam sistem pendidikan. Hasilnya, emak harap kamu akan menjadi individu yang hebat yang mampu bersaing pada peringkat global.

- SISC+ dari PPD Papar, Sabah

**Kehadapan anakanda,**


Ayahanda memilih jawatan SISC+ adalah untuk membantu guru-guru yang kurang pengalaman dan masih baru dalam matapelajaran Matematik, dan guru bukan opsyen Matematik - agar guru-guru dapat menguasai Matematik dengan lebih baik dan membantu anak-anak Malaysia minat matapelajaran Matemaik.

- SISC+ dari PPD Kubang Pasu, Kedah



Ekshibit 4-4


**Kadar peningkatan dalam UPSR 2013 berbanding UPSR 2012 Mata GPS**



Sumber: Lembaga Peperiksaan, 2013

Ekshibit 4-5

**Skor UPSR di Kedah dan Sabah (2006 – 2012) GPS**




Skor terbaik dalam tempoh 10 tahun

Kedah sama dengan purata kebangsaan

Sumber: JPN Kedah, JPN Sabah, Lembaga Peperiksaan, 2013

Ekshibit 4-6


**Pengecilan jurang bandar-luar bandar, 2012-2013**



Sumber: JPN Kedah, JPN Sabah, Lembaga Peperiksaan, 2013

Ekshibit 4-7

**Sekolah rendah Band 1-7 di Kedah dan Sabah dari tahun 2012 hingga tahun 2013**  
Bilangan sekolah



Sumber: JPN Kedah, JPN Sabah, Lembaga Peperiksaan, 2013

**Melangkah ke hadapan**

Dalam fasa kedua pelaksanaan, DTP akan diperluas ke seluruh negara pada tahun 2014. Sebanyak 1,265 SISC+ dan SIPartner+ baharu akan dilantik dan diberi latihan induksi serta latihan peningkatan kemahiran supaya dapat membantu sekolah. Dialog prestasi akan terus diadakan pada peringkat daerah sekali sebulan, manakala pada peringkat negeri dan kebangsaan, ia akan diadakan sekali pada setiap tiga bulan.

**Pelan Transformasi Pendidikan Orang Asli**

**26,850**  
murid Orang Asli di Sekolah Rendah (464 Sekolah Rendah)

**4**  
sekolah K9

---

**10,530**  
murid Orang Asli di Sekolah Menengah (389 Sekolah Menengah)

**93**  
Sekolah Rendah 100% murid Orang Asli

Kementerian telah merangka Pelan Transformasi Pendidikan Orang Asli 2013-2017 untuk meningkatkan enrolmen dan tahap pendidikan murid Orang Asli. Tumpuan inisiatif pada tahun 2013 adalah seperti yang berikut:

- Meningkatkan enrolmen dan mengurangkan kadar keciciran murid Orang Asli;
- Meningkatkan taraf kemudahan infrastruktur sekolah; dan
- Meningkatkan hubungan sekolah dengan komuniti melalui Kelas Dewasa Ibu Bapa Murid Orang Asli dan Peribumi (KEDAP).

**Meningkatkan enrolmen dan mengurangkan kadar keciciran murid Orang Asli**

Antara tahun 2011 dengan tahun 2013, enrolmen murid Orang Asli menunjukkan peningkatan sebanyak 2.6%, iaitu daripada 38,156 murid kepada 39,149 murid (Ekshibit 4-8). Walaupun trend kadar keciciran kian berkurangan, namun keciciran masih ketara pada peringkat transisi Tahun 6 ke Tingkatan 1 (25.2%) (Ekshibit 4-9) dan pada peringkat menengah (26.7%).

Ekshibit 4-8

**Enrolmen murid Orang Asli dari tahun 2011 hingga tahun 2013**


Peringkat	2011	2012	2013
Prasekolah	1,534	1,737	1,769
Rendah	26,643	26,830	26,850
Menengah	9,807	10,100	10,374
Tingkatan 6	172	204	156
<b>Jumlah</b>	<b>38,156</b>	<b>38,871</b>	<b>39,149</b>

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian



## Ekshibit 4-9

### Orang Asli yang mendaftar memasuki Tingkatan 1 atau tercicir Peratus, bilangan murid



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, 2013

Kementerian telah mengambil langkah untuk mengurangkan keciciran dalam kalangan murid Orang Asli dengan menyediakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah Orang Asli dan Penan (KAP) serta menyediakan pendidikan menengah untuk murid Orang Asli di Sekolah Model Khas Komprehensif (K9).

KAP diperkenalkan pada tahun 2007 untuk meningkatkan kehadiran murid ke sekolah. KAP adalah berteraskan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dengan menggunakan pendekatan *Minimum Adequate Syllabus*. Pada tahun 2013, KAP disemak semula berasaskan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Kurikulum ini diubah suai dari segi skop dan kedalaman kandungan, kemahiran, penilaian, serta pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang mengambil kira keperluan, pengalaman, persekitaran, dan sosiobudaya murid Orang Asli dan Penan. Setelah enam tahun KAP dilaksanakan, tiga daripada enam sekolah rintis telah berjaya meningkat kepada satu band yang lebih baik (Ekshibit 4-10).

## Ekshibit 4-10

### Prestasi band sekolah rintis untuk KAP (2011-2013)

Nama Sekolah	Band Sekolah 2011	Band Sekolah 2012	Band Sekolah 2013
SK Pos Bersih, Slim River, Perak	6	5	5
SK Sungai Mas, Kuantan, Pahang	6	5	5
SK Sungai Sampo Jempol, Negeri Sembilan	5	4	4
SK Kampung Busut Baru Asli, Kuala Langat, Selangor	4	4	4
SK Pasir Linggi, Gua Musang, Kelantan	5	5	6
SK Tanah Abang, Mersing, Johor	4	3	4

Nota : Kohort murid tahun 2006-2011 menggunakan kurikulum biasa, manakala kohort murid tahun 2007-2012 dan tahun 2008-2013 menggunakan KAP.

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, 2013

### Meningkatkan taraf kemudahan infrastruktur sekolah

Sekolah Model Khas Komprehensif (K9) telah disediakan untuk murid Orang Asli bagi memastikan mereka mendapat sekurang-kurangnya 9 tahun persekolahan dan bagi mengurangkan keciciran pada peringkat transisi antara Tahun 6 dan Tingkatan 1. Sekolah K9 menyediakan pendidikan dari peringkat rendah hingga ke peringkat menengah rendah.

Dua Sekolah K9 sedia ada ialah SK Bandar 2, Paloh Hinai, Pekan, Pahang (dibuka pada tahun 2008) dan SK Long Bedian, Baram, Sarawak (dibuka pada tahun 2012). Pada tahun 2013, sebanyak tiga sekolah K9 dibuka, iaitu SK Betau Kuala Lipis, Pahang, SK RPS Kemar dan SK RPS Banun, Gerik, Perak.

Kementerian juga telah membina empat blok asrama di SK Betau serta dua blok asrama dan dua blok bilik darjah di SK RPS Kemar. Selain itu, Kementerian telah menaik taraf asrama berpusat, menambah baik kemudahan infrastruktur dan prasarana serta membina sekolah baharu di kawasan penempatan Orang Asli.

### Program Kelas Dewasa Orang Asli dan Peribumi (KEDAP)

Pelibatan ibu bapa dalam menyokong pembelajaran murid merupakan antara faktor yang mempengaruhi peningkatan pencapaian murid di sekolah. KEDAP telah dilaksanakan bagi meningkatkan penguasaan kemahiran asas membaca, menulis dan mengira dalam masyarakat Orang Asli supaya mereka dapat membimbing serta membantu anak-anak mengulang kaji pelajaran di rumah. Selain itu, mereka juga didedahkan dengan kemahiran asas teknologi maklumat dan komunikasi, komunikasi asas Bahasa Inggeris, serta kemahiran hidup. Sejak pelaksanaan KEDAP pada tahun 2008, seramai 18,195 ibu bapa murid Orang Asli telah mendapat manfaat daripada program ini (Ekshibit 4-11).

## Ekshibit 4-11

### Bilangan ibu bapa yang menyertai KEDAP (2008-2013)

Tahun / Lokasi	2008 Fasa I	2008 Fasa II	2009 Fasa III	2010 Fasa IV	2011 Fasa V	2012 Fasa VI	2013 Fasa VII	Jumlah
Semenanjung Malaysia (OA)	425	1,650	2,200	1,590	4,110	2,550	2,790	15,315
Sarawak (Penan)	50	50	175	270	420	270	210	1,445
Sabah (Peribumi)	75	50	200	150	420	360	180	1,435
<b>Jumlah</b>	<b>550</b>	<b>1,750</b>	<b>2,575</b>	<b>2,010</b>	<b>4,950</b>	<b>3,180</b>	<b>3,180</b>	<b>18,195</b>

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, 2013

### Melangkah ke hadapan

Kementerian akan terus memberi tumpuan kepada penambahbaikan infrastruktur sekolah dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Selain itu, Kementerian akan meluaskan program KEDAP untuk meningkatkan kesedaran di kalangan ibu bapa Orang Asli tentang kepentingan pendidikan.

## Pendidikan Khas

Program-program Pendidikan Khas di bawah Kementerian Pendidikan dilaksanakan di Sekolah Pendidikan Khas (SPK), Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan Program Pendidikan Inklusif (PPI) di sekolah arus perdana (Ekshibit 4-12). PPKI dilaksanakan di kelas khas dalam sekolah arus perdana sementara PPI dilaksanakan bersama-sama murid lain dalam bilik darjah yang sama.

Ekshibit 4-12

### Pendidikan Khas yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia

Sekolah Pendidikan Khas	Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)	Program Pendidikan Inklusif (PPI)
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sekolah Khas Untuk Murid Berkeperluan Khas</li> <li>• 28 Sekolah Rendah (SPK)</li> <li>• 2 Sekolah Menengah (SMPK)</li> <li>• 3 Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Murid berkeperluan khas belajar dalam kelas khas di sekolah arus perdana</li> <li>• Dilaksanakan di 1,768 sekolah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dilaksanakan di sekolah arus perdana</li> <li>• Murid berkeperluan khas belajar dalam kelas arus perdana</li> <li>• Menggunakan kurikulum kebangsaan</li> <li>• Dilaksanakan di 1,742 sekolah</li> </ul>

Sumber: Bahagian Pendidikan Khas, 2013

Ekshibit 4-13

### Enrolmen murid berkeperluan khas dan jumlah guru di SPK dan PPKI

Nama Program	Peringkat	Jumlah MBK	Jumlah Guru
Sekolah Pendidikan Khas (SPK)	Prasekolah	90	29
	Rendah	1,508	789
	Menengah	743	306
Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)	Prasekolah	674	156
	Rendah	30,617	6,934
	Menengah	22,774	4,207
Program Pendidikan Inklusif (PPI)	Rendah	2,238	Guru Arus Perdana
	Menengah	3,018	

Sumber: Bahagian Pendidikan Khas, 2013

PPI telah diberi tumpuan dalam PPPM. Kementerian telah menetapkan sasaran 30% MBK dalam PPI menjelang tahun 2015. Pada tahun 2013, seramai 5,376 (9.6%) MBK berdaftar dalam PPI di 1,742 sekolah.

Bagi meningkatkan enrolmen murid berkeperluan khas dalam PPI, langkah-langkah seperti berikut telah diambil:

- Menyediakan kemudahan mesra OKU di lima sekolah Projek Model Holistik Program Pendidikan Inklusif MBK;
- Menjalankan latihan dengan pendekatan seluruh sekolah (*whole-school approach*); Latihan dilaksanakan sepanjang tahun 2013 kepada 1,176 pentadbir, 1,524 guru aliran perdana dan 2,392 guru pendidikan khas bagi memberikan pendedahan tentang MBK serta meningkatkan kesedaran dan penerimaan warga sekolah terhadap MBK yang berada dalam PPI;
- Menghasilkan Instrumen Menentu Penempatan MBK (IMPak); dan
- Mengadakan taklimat pengenalan Program Pendidikan Inklusif MBK.

### Portal i-Sayang

Portal i-Sayang sedang dibangunkan dengan kerjasama enam kementerian, iaitu Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Kemajuan Luar bandar dan Wilayah dan Kementerian Sumber Manusia. Portal ini bertujuan menyediakan maklumat kepada orang awam mengenai sokongan dan sumber pengajaran dan multimedia pembelajaran untuk kanak-kanak berkeperluan khas.

Portal ini boleh diakses di: <http://pmspk.moe.gov.my/>

### Melangkah ke hadapan

Kementerian telah menetapkan sasaran untuk menempatkan 30% murid berkeperluan khas dalam PPI menjelang tahun 2015. Dengan mendidik semua murid secara bersama-sama dalam persekitaran sekolah, sekolah yang inklusif dapat melentur sikap positif ke arah menghormati kepelbagaian dan membentuk masyarakat yang bertoleransi terhadap individu berkeperluan khas. Usaha ini akan melahirkan suatu masyarakat yang bertimbang rasa dan tanpa diskriminasi. Semua murid diharapkan mempunyai kemahiran untuk mengintegrasikan diri ke dalam masyarakat tanpa mengira keupayaan diri apabila mereka dewasa kelak.





*Dalam kebanyakan sistem pendidikan berprestasi tinggi, perbezaan antara prestasi murid dari latar belakang geografi atau sosioekonomi yang berbeza adalah kecil. Di Malaysia, perluasan Program Transformasi Daerah di seluruh negara akan memainkan peranan penting dalam merapatkan jurang prestasi antara sekolah bandar dan luar bandar, melalui sokongan khusus daripada PPD kepada sekolah berprestasi rendah di seluruh negara. Kementerian juga akan terus memberi tumpuan kepada meningkatkan kualiti pendidikan bagi murid Orang Asli dan peribumi, serta murid berkeperluan khas. Kesemua usaha ini adalah merupakan sebahagian daripada aspirasi Kementerian untuk menyediakan pendidikan yang terbaik untuk setiap kanak-kanak di Malaysia.*




BAB

# 05

## PEMANTAPAN PERPADUAN DI SEKOLAH

Murid yang berusia antara 7 hingga 17 tahun menghabiskan lebih satu perempat daripada masa mereka di sekolah. Melalui interaksi bersama murid lain daripada pelbagai latar belakang sosioekonomi, agama dan etnik, murid belajar memahami, menerima, dan menghayati perbezaan. Keadaan ini mewujudkan suatu perkongsian pengalaman dan aspirasi bagi membina masa hadapan Malaysia. Kementerian berhasrat menjana suatu sistem pendidikan yang memberi peluang kepada murid berkongsi pengalaman dan aspirasi demi membentuk dan memperkukuh lagi asas perpaduan rakyat Malaysia.

## SOROTAN UTAMA



Kementerian berhasrat agar sistem pendidikan menyediakan peluang kepada semua murid untuk berinteraksi dengan murid lain, dan belajar memahami, menerima, menghormati, menghargai, dan mengurus kepelbagaian yang wujud antara mereka. Bagi memastikan perpaduan dapat dipupuk dalam kalangan murid, Kementerian telah melaksanakan dua inisiatif utama dalam Gelombang 1, iaitu:

- Merombak dan memperkukuh konsep dan pelaksanaan Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP); dan
- Menjalankan kajian untuk menentukan indeks perpaduan dalam kalangan murid dan guru sekolah.

### Merombak dan memperkukuh konsep dan pelaksanaan Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP)

Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) merupakan pelaksanaan aktiviti untuk menggalakkan interaksi yang lebih kukuh antara murid pelbagai etnik dan agama dari berlainan jenis sekolah. Pelaksanaan RIMUP telah diinstitusikan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 melalui teras Membina Negara Bangsa.

Melalui PPPM ini, aspirasi dan pelaksanaan RIMUP telah dihidupkan semula dan ditambah baik dengan memberikan tumpuan kepada tiga aspek, iaitu kebudayaan dan kesenian, sukan dan permainan serta patriotisme dan jati diri. Sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil dikelompokkan (Ekshibit 5-1) untuk memupuk interaksi dalam kalangan murid pelbagai kaum dengan tumpuan kepada aktiviti di luar bilik darjah. Pada tahun 2013, Kementerian telah mencapai sasaran melaksanakan RIMUP di 20% sekolah rendah.

#### Melangkah ke hadapan

Pada tahun 2014, pelaksanaan RIMUP akan dipertingkatkan bagi mencapai sasaran 60% daripada jumlah kelompok sekolah RIMUP pada peringkat rendah dan menengah. Pelaksanaan RIMUP bukan sahaja tertumpu pada interaksi antara sekolah tetapi juga kepada interaksi antara kaum dalam sekolah.

Ekshibit 5-1

#### Interaksi Murid Pelbagai Kaum Melalui RIMUP

Kaedah kelompok
<b>Kelompok A (penggabungan 3 jenis sekolah)</b> Contoh: Sekolah Rendah - [SJKC, SJKT, SK] Sekolah Menengah - [SMJK, SMKA, SMK]
<b>Kelompok B (penggabungan 2 jenis sekolah)</b> Contoh: Sekolah Rendah - [SJKC, SK, SK] Sekolah Menengah - [SMJK, SMK, SMK]

Sumber: Bahagian Kokurikulum dan Kesenian, 2013



#### Pelaksanaan RIMUP 2013: Interaksi murid SK, SJKC dan SJKT Masai, Johor

Di bawah usaha memperkukuh RIMUP, tahun 2013 telah menyaksikan kerjasama yang lebih erat antara tiga jenis sekolah di daerah Masai, Johor. Aktiviti bersama yang telah dijalankan oleh murid termasuk senamrobik, klinik bola sepak, permainan tradisional masyarakat India, permainan chaptah dan Yoyo Cina. Murid pelbagai etnik dikelompokkan dalam satu kumpulan dan mereka belajar daripada satu sama lain tentang permainan tradisional serta membuat demonstrasi permainan tersebut. Proses pembelajaran secara aktif ini memberi peluang kepada murid berinteraksi dan menjalin hubungan secara berterusan di luar program.

*"Program ini berkesan kerana murid bukan sahaja dapat berkawan tetapi juga memahami perbezaan budaya. Murid Cina dan India juga berpeluang untuk berinteraksi dalam Bahasa Malaysia."*


- Pn Ling Ai Choon, Penolong Kanan Ko-kurikulum, SJKC Masai

## Menjalankan kajian untuk menentukan indeks perpaduan dalam kalangan murid dan guru sekolah

Kementerian akan menjalankan kajian komprehensif secara berfasa bagi membangunkan instrumen perpaduan dan mengukur tahap perpaduan dalam kalangan murid dan guru (Ekshibit 5-2). Kajian juga bertujuan untuk mengenal pasti amalan-amalan terbaik bagi mengukuhkan program-program berkaitan dengan perpaduan.

Ekshibit 5-2


### Pelaksanaan kajian perpaduan



Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2013

Ekshibit 5-3

### Konsep perpaduan dalam konteks persekolahan




Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2013

Pada tahun 2013, Kementerian bersama-sama sekumpulan penyelidik dari *Institute of Strategic & International Studies (ISIS)*, JPNIN, dan IPT telah membangunkan instrumen untuk menentukan indeks perpaduan dalam kalangan murid sekolah rendah, murid sekolah menengah dan guru sekolah. Lebih daripada 2,000 guru dan 2,000 murid pelbagai etnik, telah menjadi perintis kepada instrumen ini. Hasil daripada projek rintis ini, empat instrumen telah dibangunkan iaitu Instrumen Murid Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah serta Instrumen Guru Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah.

### Melangkah ke hadapan

Pada tahun 2014, Kementerian akan menjalankan kajian ke atas murid dan guru daripada semua jenis sekolah rendah dan menengah awam serta swasta bagi menghasilkan indeks perpaduan.



Kementerian berusaha untuk meningkatkan semangat perpaduan dalam kalangan murid dengan menggalakkan interaksi antara murid dari pelbagai latar belakang sosioekonomi, agama dan etnik, sekaligus memberi peluang kepada mereka untuk belajar memahami, menerima dan mengurus perbezaan. Kementerian menumpu kepada pemahaman tahap perpaduan di sekolah untuk membolehkan Kementerian untuk mengenal pasti sokongan yang diperlukan serta menambah baik program perpaduan sedia ada.




BAB

# 06

KECEKAPAN

Sistem pendidikan Malaysia telah menerima peruntukan yang tinggi, namun peningkatan keberhasilan murid masih tidak sepadan dengan sumber yang telah disalurkan ke dalam sistem. Kementerian berhasrat untuk memaksimumkan keberhasilan murid mengikut tahap peruntukan semasa.

**SOROTAN UTAMA**



Kejayaan transformasi pendidikan bergantung pada kecekapan pengurusan sumber kewangan dan sumber manusia. Empat perkara yang diberi tumpuan oleh Kementerian pada tahun 2013 adalah:

- Mentransformasi kebolehan dan keupayaan penyampaian Kementerian;
- Mengoptimalkan perbelanjaan bagi memaksimumkan keberhasilan murid;
- Menyediakan infrastruktur asas; dan
- Menyediakan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK).



**Mentransformasi kebolehan dan keupayaan penyampaian Kementerian**

Kementerian telah memulakan proses menstruktur semula organisasi Kementerian secara menyeluruh dan dijangka akan dilaksanakan sepenuhnya dalam Gelombang 2 (2016-2020). Dalam Gelombang 1, inisiatif penstrukturan berfokus kepada memperkasakan kompetensi dan keupayaan JPN dan PPD pemimpin sejajar dengan fungsi baharu JPN dan PPD.

**Memperkuh kebolehpayaan pemimpin utama**

Untuk mengenal pasti tahap kompetensi di JPN dan PPD, Kementerian telah menjalankan penilaian kompetensi kepimpinan utama JPN dan PPD. Pada tahun 2013, proses ini melibatkan 251 jawatan kepimpinan utama, merangkumi Pengarah JPN, Timbalan Pengarah JPN, Pegawai Pendidikan Daerah dan Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah. Semua pemimpin ini perlu melalui tiga peringkat saringan, iaitu penilaian sendiri disusuli dengan dua siri temuduga-temuduga Panel yang menilai kompetensi fungsi atau bidang tugas dan *Behavioural Event Interview* (BEI) untuk menilai ciri-ciri kepimpinan yang dimiliki oleh pemimpin berkenaan (Ekshibit 6-1).

Ekshibit 6-1

**Pendekatan profil bagi jawatan kepimpinan utama di JPN dan PPD**



Sumber: Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, 2013

Pada tahun 2014, Kementerian akan merangka program pembangunan profesional untuk 251 jawatan yang telah diprofil berdasarkan tahap kompetensi. Pegawai akan dikelompokkan mengikut tahap prestasi, iaitu tahap tinggi, sederhana dan lemah, berdasarkan penilaian kompetensi yang dilaksanakan pada tahun 2013.

Kementerian juga perlu memastikan bahawa terdapat kumpulan pelapis yang berpotensi untuk mengisi jawatan kepimpinan di JPN dan PPD. Pelapis berbakat tinggi akan dikenal pasti melalui saringan yang dilakukan dalam kalangan pegawai yang mempunyai pengalaman berkhidmat sekurang-kurangnya tiga tahun pada peringkat pengurusan. Kementerian menyasarkan 1,000 calon untuk disaring melalui Temuduga Panel dan hanya 500 calon terbaik melalui BEI. Hasrat Kementerian adalah untuk memastikan bahawa potensi kumpulan pelapis berbakat ini dapat dikenal pasti dan dibangunkan bagi menerajui kepimpinan di JPN dan PPD.



### Perwakilan kuasa kepada JPN

Transformasi keupayaan dan kapasiti Kementerian akan membolehkan JPN diberi lebih pengupayaan dalam pengurusan dan pentadbiran negeri. Pada tahun 2013, perwakilan kuasa diberi kepada Pengarah JPN Sabah dan Sarawak dalam hal berkaitan pembangunan, bekalan dan perkhidmatan. Melalui usaha ini, JPN mempunyai bidang kuasa meluluskan perolehan sehingga RM5 juta.

### Penstrukturan Kementerian

Penstrukturan semula Kementerian adalah suatu usaha yang kompleks. Penstrukturan ini dilaksanakan untuk memastikan semua fungsi utama proses penyampaian Kementerian diperkemas daripada peringkat Kementerian hingga ke sekolah, mengurangkan jurang dan pertindihan fungsi, menjadikan sistem penyampaian lebih cekap, dan memaksimumkan penggunaan sumber manusia. Selain itu, ia juga akan memastikan laluan kerjaya dan pelan penggantian yang lebih jelas kepada pegawai perkhidmatan pendidikan.

Ekshibit 6-2

#### Sasaran pelaksanaan penstrukturan semula Kementerian Pendidikan Malaysia

Tindakan	2013	2014	2015
<b>Memperkuhkan kebolehpayaan pemimpin utama</b>	Menilai kompetensi kepimpinan utama JPN dan PPD	Mengenal pasti pelapis kepimpinan utama JPN dan PPD Melaksanakan Program Profesional Kepimpinan	Melaksanakan Program Profesional Kepimpinan
<b>Perwakilan kuasa kepada JPN</b>	Keputusan untuk mewakili kuasa kepada JPN	Perwakilan kuasa kepada JPN setelah mendapat kelulusan	Memperluas skop perwakilan kuasa
<b>Penstrukturan Kementerian</b>	Menyusun struktur organisasi peringkat JPN dan PPD	Menyusun struktur organisasi peringkat Kementerian  Kelulusan Agensi Pusat terhadap cadangan penstrukturan	Pelaksanaan awal penstrukturan Kementerian (dari peringkat pusat ke sekolah)

Sumber: Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, 2013

Pada tahun 2013, Kementerian telah mengkaji semula struktur organisasi dan fungsi JPN serta PPD. Dapatan kajian semula menunjukkan terdapat pertindihan tugas antara JPN dan PPD dalam perancangan program, penyampaian dan pengurusan sumber manusia. Selain itu, terdapat perbezaan ketara dalam keluasan geografi yang dikawal selia dan bilangan sekolah yang diurus oleh PPD menyebabkan beban tugas yang ditanggung adalah berbeza-beza. Dapatan juga menunjukkan bahawa terdapat pegawai yang perlu melaksanakan tugas yang kurang sesuai dengan kelayakan mereka.

### Melangkah ke hadapan


Pada tahun 2014, Kementerian akan terus menjalankan kajian penstrukturan semula pada peringkat pusat. Kajian ini akan merupakan satu kajian struktur yang menyeluruh dari peringkat pusat, JPN, PPD ke peringkat sekolah. Sasaran pelaksanaan di bawah penstrukturan Kementerian sehingga tahun 2015 ditunjukkan dalam Ekshibit 6-2.

## Mengoptimalkan perbelanjaan bagi memaksimumkan keberhasilan murid

Malaysia merupakan antara negara yang memberi penekanan tinggi kepada sektor pendidikan. Peratus peruntukan untuk pendidikan daripada perbelanjaan mengurus negara adalah lebih tinggi berbanding dengan negara-negara serantau dan negara yang mempunyai KDNK setara seperti Mexico dan Chile (Ekshibit 6-3). Kementerian beriltizam untuk memastikan setiap peruntukan yang dibelanja dapat memaksimumkan keberhasilan guru dan murid.

Ekshibit 6-3

#### Perbelanjaan pendidikan asas sebagai peratus perbelanjaan Kerajaan bagi Malaysia dan negara setara Peratus 2008



Nota: Data daripada tahun 2008 atau tahun 2010 bergantung kepada data sedia ada terkini.


Sumber: Kementerian Pelajaran Malaysia; OECD-Education at a Glance 2011; Singstat; Kementerian Kewangan Thailand; Kementerian Kewangan Indonesia; Biro Pendidikan Hong Kong.



Pada tahun 2013, Kementerian telah memperoleh peruntukan sebanyak RM42.77 bilion di bawah perbelanjaan mengurus dan RM2.12 bilion di bawah perbelanjaan pembangunan. Prestasi berbelanja Kementerian pada tahun 2013 ialah sebanyak 99.9% bagi peruntukan perbelanjaan mengurus dan 99.2% bagi peruntukan pembangunan. Untuk memaksimumkan keberhasilan, Kementerian telah mula melaksanakan pengagihan peruntukan secara rintis bagi tahun 2013 berpandukan prinsip pelaksanaan Bajet Berasaskan Keberhasilan (*Outcome Based Budgeting, OBB*) (Ekshibit 6-4).

Ekshibit 6-4

**Kitaran Strategik OBB**



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, 2012

**Sekolah Kurang Murid**

Salah satu langkah untuk penjimatan adalah dengan mengkaji semula pengagihan jawatan guru bagi sekolah kurang murid. Inisiatif ini bertujuan untuk mengoptimalkan penggunaan sumber manusia dan kewangan, tanpa menjejaskan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

**Melangkah ke hadapan**

Kementerian akan meneruskan dasar perbelanjaan berhemah dalam mengurus kewangan dengan memastikan perbelanjaan dapat mencapai keberhasilan yang dihasratkan. Oleh itu, Kementerian akan meneruskan dasar memberi keutamaan belanjawan berdasarkan tahap impak program tersebut terhadap peningkatan keberhasilan murid dan guru. Ini akan memastikan pengurusan kewangan yang berhemat dan cekap.

**Menyediakan Infrastruktur Asas**

Penyediaan infrastruktur asas merupakan aspek penting bagi mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif. Kementerian berhasrat untuk meneruskan usaha menaik taraf dan menyelenggara infrastruktur sekolah bagi memastikan semua sekolah berada dalam keadaan baik dan mencapai standard asas infrastruktur dalam tempoh Gelombang 1 (Ekshibit 6-5).

Ekshibit 6-5

**Keperluan Pembangunan Infrastruktur Sekolah**


Asas (2013-2015)	Garis asas (2016-2020)	Masa depan (2021-2025)
<p>Semua sekolah mencapai sekurang-kurangnya <b>keperluan asas</b> yang penting untuk <b>persekitaran yang selamat, bersih serta kondusif</b> untuk pengajaran dan pembelajaran</p>	<p>Untuk menyediakan <b>kemudahan minimum untuk penyampaian kurikulum</b> dan pedagogi</p>	<p>Untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menarik bagi <b>abad ke-21</b></p>
<p>Keperluan berbeza mengikut jenis sekolah (contoh: bandar, luar bandar, SKM, sekolah berasrama)</p>		
<ul style="list-style-type: none"> <li><b>Struktur fizikal</b> (bumbung, dinding, pendawaian, cat)</li> <li><b>Bilik darjah</b> yang memenuhi nisbah 15-20 kaki persegi / murid</li> <li><b>Tandas</b> yang memenuhi nisbah 1 mangkuk tandas / 50 murid</li> <li><b>12 jam elektrik</b>, kecuali bagi sekolah berasrama yang memerlukan 24 jam bekalan</li> <li><b>Air terawat</b>, yang selamat diminum</li> <li><b>1 meja dan kerusi</b> setiap murid</li> <li><b>1 ruang kerja</b> setiap guru</li> <li><b>1 papan putih atau papan hitam</b> / bilik darjah</li> <li>Sekurang-kurangnya <b>20 murid</b> setiap alat ICT di semua sekolah</li> <li><b>Sambungan Internet</b> dengan kelajuan sekurang-kurangnya 2 Mbps</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li><b>1 kemudahan sukan</b></li> <li><b>24-jam kemudahan internet</b> pada kelajuan sekurang-kurangnya 2-10 Mbps</li> <li>Sekurang-kurangnya <b>10 murid</b> bagi setiap alat peranti ICT di semua sekolah</li> <li><b>1 perpustakaan/pusat sumber</b></li> <li><b>Kebolehcapaian</b> untuk orang kurang upaya, seperti lorong landai dan tandas</li> <li><b>Tempat dan ruang</b> untuk aktiviti pendidikan Islam</li> <li>Untuk sekolah menengah (bergantung kepada saiz):                             <ul style="list-style-type: none"> <li><b>Sains</b> (Biologi, Kimia dan Fizik) + <b>Makmal Sains Am</b></li> <li><b>Bengkel Kemahiran Hidup</b> (contoh: Ekonomi Rumahtangga, Pertanian)</li> <li><b>Asrama</b> untuk murid sekolah luar bandar bagi perjalanan lebih daripada 1 jam ke sekolah setiap hari</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li><b>Sambungan Internet:</b> Sekurang-kurangnya 10 Mbps bagi semua sekolah</li> <li><b>1 peranti / murid</b> sekolah menengah</li> <li>Sekurang-kurangnya <b>1 kemudahan persidangan video</b> setiap daerah untuk menyokong pembelajaran jarak jauh</li> <li><b>1 kemudahan sukan yang lengkap</b> bagi setiap daerah</li> <li><b>Perubahan reka bentuk sekolah</b> untuk masa depan mungkin diperlukan berdasarkan keperluan kurikulum baru (contoh: Bilik pakar berdasarkan gred murid dan prestasi)</li> </ul>

Sumber: Garis panduan dan peraturan perancangan pembangunan oleh Jawatankuasa Standard dan Kos, Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

Pada tahun 2013, melalui peruntukan Projek Rangsangan Khas (PRK), sebanyak 1,693 projek telah dibaik pulih dengan kos sebanyak RM287 juta melebihi sasaran 1,608 projek yang ditetapkan. Daripada jumlah tersebut Sabah, Sarawak dan Johor mempunyai jumlah projek terbanyak dan menerima jumlah peruntukan terbesar (Ekshibit 6-6).

Ekshibit 6-6

#### Jumlah projek pembaikan mengikut negeri bagi 2013 Bilangan projek



Sumber: Bahagian Pembangunan Pelajaran, 2013

Perancangan untuk menaik taraf infrastruktur sekolah bermula dengan pengumpulan data daripada pihak sekolah. Data infrastruktur yang lengkap dan tepat akan memudahkan Kementerian mengenal pasti sekolah yang memerlukan pembaikan dan menganggarkan kos binaan.

## Menyediakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)

TMK membolehkan murid dan warga pendidik mendapatkan manfaat daripada teknik pembelajaran yang moden dan pada masa yang sama sentiasa peka dengan pembangunan global. Selain itu, penggunaan TMK akan meningkatkan kecekapan Kementerian dan membantu guru dan pentadbir sekolah dalam mengurus data sekolah. Dua inisiatif utama bagi menggalakkan penggunaan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan dan pentadbiran adalah seperti berikut:

- Penyediaan 1BestariNet
- Pengintegrasian sistem data pendidikan

### Penyediaan 1BestariNet

Penggunaan TMK sebagai medium penyampaian pendidikan menjadi semakin penting pada masa kini dan akan datang. Melalui TMK, guru dan murid boleh mendapatkan maklumat dengan pantas walau di mana jua mereka berada. Hal ini dapat menyokong Kementerian dalam usaha untuk meluaskan akses pendidikan dan meningkatkan kecekapan pengurusan.

Projek 1BestariNet bertujuan membolehkan setiap sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan mendapat akses kepada internet jalur lebar berkelajuan tinggi (*broadband*). Projek ini juga menyediakan satu persekitaran pembelajaran maya atau *Virtual Learning Environment* (VLE). VLE ialah satu platform untuk guru, ibu bapa dan murid berkomunikasi dan berkongsi sumber pembelajaran. Murid akan memperoleh akses kandungan yang lebih luas, menarik, dan interaktif, manakala pengetua, guru besar dan guru boleh mengakses sumber pembelajaran dan berkomunikasi dengan komuniti di dalam dan luar negara bagi membantu meningkatkan kualiti amalan mereka.

Pada tahun 2013, sebanyak 9,045 (91.5%) sekolah (daripada sasaran 9,889 sekolah) telah dirangkaikan dengan internet jalur lebar berkelajuan tinggi antara 2-4 Mbps atau antara 4-10 Mbps. Daripada jumlah ini, sebanyak 6,394 sekolah (88.34%) menikmati rangkaian internet berteknologi 4G. Kementerian terus berusaha untuk memastikan semua sekolah dirangkaikan dengan kerjasama kerajaan negeri, lembaga pengelola sekolah, komuniti setempat dan pihak berkepentingan yang lain.

Kementerian telah mengadakan promosi 1BestariNet untuk menggalakkan murid dan ibu bapa mengakses VLE dengan menggunakan ID yang dibekalkan. Setiap guru digalakkan untuk membina laman pembelajaran untuk berkongsi amalan pengajaran dan pembelajaran terbaik melalui VLE. Pada masa yang sama, Kementerian juga telah membangunkan sebanyak 53 video e-Guru yang menunjukkan amalan pengajaran dan pembelajaran terbaik berbanding sasaran 50 video e-Guru.

### Pengintegrasian data pendidikan

Data pendidikan yang tepat dan terkini penting dalam menyediakan keputusan bermaklumat bagi tujuan penggubalan dasar, perancangan, pembangunan dan pengoperasian program pendidikan. Pada masa ini, Kementerian telah mempunyai lebih 28 sistem dan aplikasi yang terdiri daripada sistem data sekolah, data murid dan data guru. Implikasi kepelbagaian sistem ini adalah pertindihan maklumat dan ketakselarasan data pada peringkat Bahagian, JPN dan PPD. Selain itu, proses pengisian data kepada sistem yang pelbagai turut membebaskan tugas guru.

Untuk mengatasi masalah ini, Kementerian telah membangunkan satu sistem pengurusan data bersepadu dalam talian yang dikenali sebagai Sistem Pengurusan Sekolah (SPS) yang digunakan sebagai titik masukan data (*data entry point*) bagi semua pengisian data di sekolah. Pelaksanaan inisiatif ini bertujuan untuk memudahkan pengisian dan perolehan data, perkongsian maklumat serta mengelakkan pertindihan. Pada tahun 2013, Kementerian memberikan tumpuan kepada analisis yang terperinci terhadap sistem sedia ada dan pembangunan SPS.

Bagi melihat keberkesanan serta mengenal pasti isu pelaksanaan SPS, Kementerian telah melaksanakan pemantauan kesediaan SPS untuk pengintegrasian data di 710 sekolah terpilih di seluruh negara mulai bulan Oktober 2013. Antara cabaran pelaksanaan SPS adalah capaian internet yang kurang memuaskan, khususnya di sekolah luar bandar dan pedalaman yang belum dirangkaikan kepada 1BestariNet. Kementerian akan terus berusaha meningkatkan capaian internet di semua sekolah dan meningkatkan kefahaman guru terhadap kepentingan SPS agar sistem ini dapat digunakan sepenuhnya.

Untuk mengatasi cabaran dalam pelaksanaan SPS, Kementerian akan terus meningkatkan akses kepada internet di semua sekolah. Kementerian juga akan meningkatkan pemahaman guru terhadap SPS untuk membolehkan guru-guru memanfaatkan daripada penyediaan satu pangkalan data tunggal.

## Melangkah ke hadapan

Pada tahun 2014, Kementerian akan mengemas kini data Sistem Maklumat Pengurusan Pendidikan (*Education Management Information System, EMIS*) bagi menyediakan pangkalan data untuk tujuan perancangan dan pemantauan infrastruktur sekolah.

Kementerian juga akan memastikan semua sekolah dirangkaikan dengan 1BestariNet. Kementerian juga akan memastikan capaian internet yang lebih stabil dan kelajuan yang optimum. Di samping itu, Kementerian menyasarkan 10,000 laman pembelajaran digital dibangun dan diterbitkan oleh guru ke dalam VLE. Promosi akan terus dilakukan pada peringkat negeri dan daerah bagi menarik minat guru membina laman pembelajaran.

Kementerian akan menumpukan usaha untuk memperluas dan menambah baik capaian internet ke semua sekolah. Kementerian akan menggalakkan guru untuk menggunakan VLE dan sumber dalam talian yang lain untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan berkongsi amalan pengajaran dan pembelajaran dengan rakan setugas mereka serta menerapkan penggunaan TMK dalam bilik darjah.



*Kementerian komited untuk meningkatkan kecekapan dalam menguruskan sumber kewangan dan sumber manusia yang mahir dan berbakat dalam penggunaan teknologi. Ke arah peningkatan penyampaian pendidikan yang lebih efisien, Kementerian sedang membangunkan keupayaan kepimpinan utama, memaksimumkan keberhasilan murid dengan setiap ringgit yang dibelanjakan dan memanfaatkan teknologi untuk meningkatkan pengurusan data dan juga pengajaran dan pembelajaran.*



BAB


07

PENUTUP

Kementerian Pendidikan mengiktiraf bahawa transformasi sistem pendidikan merupakan suatu perjalanan jangka panjang yang penuh dengan cabaran. Dalam Gelombang 1 pelaksanaan PPPM, tumpuan diberikan kepada mengubah sistem dengan menyokong guru dan membangunkan kemahiran utama dalam pengajaran dan pembelajaran. Dalam tahun pertama pelaksanaan PPPM, inisiatif-inisiatif PPPM telah memperlihatkan kejayaan yang memberangsangkan. Walaubagaimanapun, peningkatan dari segi keberhasilan dalam pentaksiran antarabangsa hanya akan dapat diperolehi dalam tempoh beberapa tahun yang akan datang.

Ekshibit 7-1

#### Pencapaian utama 2013



Terdapat beberapa pengajaran penting yang diperolehi daripada kejayaan dan cabaran pelaksanaan inisiatif PPPM pada tahun 2013. Pengalaman Kementerian dalam tahun 2013 mengukuhkan lagi keperluan untuk meningkatkan kualiti pelaksanaan secara berterusan, sebagai contoh:

- Wujud sekolah yang cemerlang dan amalan yang baik dalam sistem pendidikan Malaysia:** Kementerian komited untuk mengenal pasti dan mencontohi amalan terbaik yang digunakan oleh sekolah cemerlang di seluruh negara - Malaysia mempunyai sekolah yang cemerlang dalam penilaian PISA 2012 dengan pencapaian setanding dengan sistem pendidikan terbaik di dunia. Terdapat juga sekolah-sekolah yang telah menunjukkan kejayaan yang membanggakan dalam usaha untuk melibatkan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta.
- Penjajaran matlamat:** Kementerian mengiktiraf bahawa penyelarasan matlamat dan penetapan peranan yang jelas di antara semua pihak adalah amat penting bagi memastikan pelaksanaan inisiatif PPPM yang berkesan, terutama dalam usaha yang melibatkan pelbagai bahagian dan pihak luar. Di samping itu, Kementerian juga akan terus membina keupayaan dalaman untuk menyampaikan transformasi pendidikan pada semua peringkat Kementerian.

- Penyelarasan yang mantap dan perancangan terperinci adalah penting untuk mengatasi cabaran pelaksanaan:** Kementerian Pendidikan merupakan kementerian yang terbesar dalam kerajaan Malaysia. Skala operasi Kementerian yang merangkumi lebih daripada 10,000 sekolah menuntut kerjasama yang lebih rapat dan lancar antara bahagian dengan daerah dan sekolah, untuk memastikan kejayaan pelaksanaan inisiatif.
- Komunikasi yang aktif dan pelibatan pihak berkepentingan adalah kritikal:** Kejayaan dalam transformasi pendidikan memerlukan penyertaan semua pihak berkepentingan utama daripada dalam dan luar Kementerian - iaitu, guru, pemimpin sekolah, ibu bapa dan komuniti. Komunikasi yang lebih luas dan berkesan diperlukan bagi memastikan semua pihak berkepentingan terlibat dalam pelaksanaan PPPM. Kementerian juga mengiktiraf peranan ibu bapa yang terlibat secara aktif dalam pendidikan anak-anak mereka dan akan terus melibatkan ibu bapa melalui Kumpulan Sokongan Ibu Bapa (KSIB) dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di sekolah-sekolah.

#### Langkah Seterusnya

Melangkah ke tahun 2014, Kementerian berazam untuk meneruskan usaha bagi mencapai aspirasi sistem seperti yang dihasratkan dalam PPPM. Kementerian telah mengenal pasti Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi mengukur kemajuan dan kejayaan setiap inisiatif. Sasaran bagi inisiatif utama tahun 2014 adalah seperti berikut:

Aspirasi	Inisiatif	KPI	Sasaran 2014
Kualiti	LINUS 2.0	Peratus murid Tahun 2 menguasai literasi Bahasa Inggeris	83%
	Profisiensi Bahasa Inggeris	Peratus guru yang mengikuti kursus ProELT meningkat sekurang-kurangnya 1 band CEFR	85%
	Piagam Pemimpin	Peratus Pengetua dan Guru Besar yang berpotensi tinggi dikenal pasti dalam tempoh 6 bulan untuk mengisi kekosongan jawatan menggunakan syarat baharu	100%
	Piagam Guru	Peratusambilan PISMP di IPG dalam kalangan 30% graduan SPM terbaik	100%
Ekuiti	Program Transformasi Daerah	Peratus sekolah dalam Band 1 dan 2	31%
		Peratus sekolah dalam Band 6 dan 7	1.4%
Kecekapan	Penstrukturan Kementerian	Struktur baharu JPN dan PPD termasuk peranan, fungsi dan akauntabiliti dihantar kepada JPA untuk kelulusan	Struktur lengkap disediakan dan dihantar kepada JPA untuk kelulusan
		Bilangan pegawai yang diprofil untuk jawatan di JPN dan PPD	751

Kementerian mempunyai tanggungjawab yang besar untuk merealisasikan aspirasi sistem dan murid. Kejayaan transformasi pendidikan hanya dapat dicapai melalui kerjasama dan komitmen penuh daripada semua pihak yang terlibat pada setiap peringkat – persekutuan, negeri, daerah, sekolah, guru serta ibu bapa dan komuniti setempat.

Kementerian menasarkankan perubahan berikut merentasi sistem pendidikan negara:

- **Guru** akan menjadi pemimpin dalam bilik darjah, melalui pembangunan diri dan profesional yang berterusan. Mereka akan menerima lebih banyak sokongan, bimbingan dan latihan daripada Kementerian (contohnya, dari PPD dan pembimbing pakar).
- **Pemimpin sekolah** akan berperanan sebagai pemimpin pengajaran yang cemerlang, bukan sahaja sebagai ketua pentadbir. Mereka akan meluangkan lebih masa untuk melatih guru, serta menjadi agen perubahan di sekolah dan dalam komuniti.
- **Pegawai pendidikan di negeri dan daerah** akan menjadi pembimbing yang lebih baik dan menyokong pihak sekolah. Mereka akan mengadakan lawatan kerja ke sekolah dengan lebih kerap dan membantu sekolah menyelesaikan masalah.
- **Pegawai di Kementerian** akan bekerjasama dengan lebih rapat dan membuat keputusan berdasarkan analisis data. Mereka akan menumpukan usaha kepada pelaksanaan dan pelibatan pihak berkepentingan, khususnya bagi memastikan penambahbaikan dalam keberhasilan murid.
- **Ibu bapa** akan menjadi rakan kongsi dalam pembelajaran anak-anak mereka, dan bekerjasama rapat dengan pemimpin sekolah dan guru untuk menyokong pembelajaran anak di sekolah dan di rumah
- **Orang awam dan sektor swasta** perlu memberi sokongan padu dan galakan kepada guru dan pemimpin sekolah, dan menyedari bahawa transformasi pendidikan memerlukan masa dan usaha. Mereka perlu terus memberikan maklum balas, dan bekerjasama secara aktif dengan sekolah dan Kementerian untuk meningkatkan pencapaian sekolah.

Sokongan terhadap pelaksanaan PPPM dalam tahun yang lepas amat memberangsangkan. Kementerian mengiktiraf dan amat menghargai usaha tekun dan komitmen semua guru, pemimpin sekolah, pegawai Kementerian serta pihak berkepentingan dalam melaksanakan transformasi pendidikan negara.



*Kementerian akan terus menumpukan usaha untuk menyokong pegawai pendidikan di semua peringkat untuk menyampaikan pendidikan berkualiti kepada kanak-kanak Malaysia di seluruh negara. Kementerian juga mengalu-alukan maklum balas yang membina dari Rakyat. Penyertaan aktif rakyat dalam menyuarakan kebimbangan mereka dan memberikan maklum balas memainkan peranan penting dalam usaha mengubah sistem pendidikan Malaysia.*

*Hanya melalui usaha kolektif ini sistem pendidikan di Malaysia boleh mencapai wawasan untuk menjadikan sistem pendidikan negara suatu sistem pendidikan berprestasi tinggi.*

## Glosari

1BestariNet	Projek melengkapkan sekolah dengan capaian internet 4G dan VLE
1M1P	Satu Murid Satu Projek
4G	Teknologi tanpa wayar generasi keempat, yang boleh digunakan dengan telefon sel, komputer tanpa wayar dan peranti mudah alih
ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
AIM	Agensi Inovasi Malaysia
CEFR	<i>Common European Framework for References</i>
CPD	<i>Continuous Professional Development</i> iaitu Pembangunan Profesional Berterusan
CPT	<i>Cambridge Placement Test</i>
DTP	Program Transformasi Daerah
ELTC	<i>English Language Teaching Centre</i> iaitu Pusat Pengajaran Bahasa Inggeris
EMIS	<i>Educational Management Information System</i>
FasiLINUS	Fasilitator Program Literasi dan Numerasi
GPS	Gred Purata Sekolah
ILKA	Institut Latihan Kemahiran Awam
ILKS	Institut Latihan Kemahiran Swasta
IMPak	Instrumen Menentu Penempatan Murid Berkeperluan Khas
IPG	Institut Pendidikan Guru
ISIS	<i>Institute of Strategic &amp; International Studies</i>
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
JPNIN	Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional
JU	Jurulatih Utama
K9 Sekolah Model Komprehensif	Sekolah yang menyediakan kemudahan asrama untuk murid peribumi dan kumpulan minoriti lain sekolah rendah Tahun 1 hingga sekolah menengah Tingkatan 3.
KAA	Kelas Aliran Agama
KAP	Kurikulum Asli dan Penan
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBD	Kurikulum Bersepadu Dini
KBT	Kurikulum Bersepadu Tahfiz

KDNK	Keluaran dalam negara kasar
KEDAP	Kelas Dewasa Orang Asli dan Peribumi
KEMAS	Jabatan Kemajuan Masyarakat
KPI	<i>Key Performance Index</i> iaitu Petunjuk Prestasi Utama
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSIB	Kumpulan Sokongan Ibu Bapa
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KV	Kolej Vokasional
LINUS	Program Saringan Literasi dan Numerasi
LKPPP	Lembaga Kenaikan Pangkat Pegawai Perkhidmatan Pelajaran
LNPT	Laporan Penilaian Prestasi Tahunan
MAS	<i>Minimum Adequate Syllabus</i>
MBK	Murid Berkeperluan Khas
MPPS	Modul Penggantian Pemimpin Sekolah
MSN	Majlis Sukan Negara
NKEA	Bidang Ekonomi Utama Negara
NKRA	Bidang Keberhasilan Utama Negara
NPQEL	<i>National Professional Qualification for Educational Leaders</i> iaitu Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan
NPQH	<i>National Professional Qualification for Headship</i> iaitu Program Kelayakan
OBB	<i>Outcome Based Budgeting</i> iaitu Pelaksanaan Bajet Berasaskan Keberhasilan
OECD	<i>Organisation for Economic Co-operation and Development</i> iaitu Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi
OKU	Orang Kurang Upaya
OPS-English	<i>Oral Proficiency in English for Secondary School programme</i> iaitu Program Kecekapan Lisan Bahasa Inggeris untuk Sekolah Menengah
PADU	<i>Education Performance and Delivery Unit</i> iaitu Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan
PASTI	Pusat Asuhan Tunas Islam
PDRM	Polis DiRaja Malaysia
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru



## Glosari

PIPPB	Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Berterusan
PISA	<i>Programme for International Student Assessment</i>
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPI	Program Pendidikan Inklusif
PPKI	Program Pendidikan Khas Integrasi
PPP	<i>Public-private partnership</i> iaitu perkongsian sektor awam dan swasta
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PRIme	<i>Professional Residency and Immersion Programme</i> iaitu Program Residensi dan Immersion
PRK	Peruntukan Rangsangan Khas
ProELT	<i>Professional Upskilling of English Language Teachers</i> iaitu Peningkatan Profisiensi Guru Bahasa Inggeris
PROSPEK	Program Bersepadu Pembangunan Kompetensi
PSK	Persatuan Sukan Kebangsaan
PTK	Penilaian Tahap Kompetensi
RIMUP	Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan
SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SAN	Sekolah Agama Negeri
SAPS	Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah
SAR	Sekolah Agama Rakyat
SAS	Sekolah Agama Swasta
SBPI	Sekolah Berasrama Penuh Integrasi
SDH	Sekolah dalam Hospital
SEAMEO RECSAM	<i>Southeast Asian Ministers of Education Organisation Regional Centre for Education in Science and Mathematics</i> , iaitu Pertubuhan Menteri-menteri Pendidikan Asia Tenggara - Pusat Pendidikan Sains dan Matematik Serantau
SHG	Sekolah Henry Gurney
SI	Sekolah Integriti
SIPartner+	<i>School Improvement Partner</i> iaitu Rakan Peningkatan Sekolah, terma untuk pembimbing pengetua/guru besar
SISC+	<i>School Improvement Specialist Coach</i> iaitu Pembimbingan Pakar Peningkatan Sekolah

SJKC	Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil
SK	Sekolah Kebangsaan
SKM	Sekolah Kurang Murid
SKPK	Sistem Kualiti Prasekolah Kebangsaan
SKPM	Standard Kualiti Pendidikan Malaysia
SM	Sekolah Menengah
SMAP	Sekolah Menengah Agama Persekutuan
SMJK	Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMPK	Sistem Maklumat Prasekolah Kebangsaan
SMPKV	Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional
SMT	Sekolah Menengah Teknik
SMV	Sekolah Menengah Vokasional
SPK	Sekolah Pendidikan Khas
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPS	Sistem Pengurusan Sekolah
STAM	Sijil Tinggi Agama Malaysia
STEM	Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
TFM	<i>Teach for Malaysia</i>
TIMSS	<i>Trends in International Mathematics and Science Study</i>
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT – <i>Information and Communication Technology</i> )
TPV	Transformasi Pendidikan Vokasional
UI	Instrumen Penilaian Bersepadu
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
VLE	<i>Virtual Learning Environment</i> iaitu Pembelajaran Maya
WP	Wilayah Persekutuan

© Kementerian Pendidikan Malaysia 2014

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa juga cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.

Laporan Tahunan 2013  
Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia

Jun 2014

ISSN : 2289-7100

Diterbitkan oleh:  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Blok E8, Kompleks E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62604, Putrajaya Malaysia.  
[www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

